


Jilid I
Bil. 69



Hari Selasa
22hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Datuk Dominic Joseph Puthucheary (Nibong Tebal) [Ruangan 11425]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERNYATAAN [Ruangan 11425]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 11482]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan) [Ruangan 11483]

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 11490]

Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan)
1991 [Ruangan 11548]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu)

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbaian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, Dato' K. Kumaran (Tapah)
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsadan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

- YangBerhormat TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO'HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH,P.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M. P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hbOktober, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mempe-
ngkerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN**Y.B. Datuk Dominic Joseph
Puthucheary (Nibong Tebal)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu bagi menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Dominic Joseph Puthucheary, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Nibong Tebal dari 21hb Oktober hingga 1hb November, 1991.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANTARAF PENGUASAAN BAHASA
INGGERIS DI KALANGAN
MURID SEKOLAH

1. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) nilaitara atau criteria yang digunakan untuk menilai taraf

penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah;

(b) adakah taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah kita lebih rendah jika dibandingkan dengan taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah di negara-negara maju dan pesat membangun di Asia seperti Jepun, Korea Selatan atau Thailand; dan

(c) adakah Menteri Pendidikan sedar bahawa kempen meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris telah menjejaskan imej/martabat dan nilai ekonomi bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) Kriteria bagi menentukan taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah adalah berpandukan kepada sukatan pelajaran yang disediakan mengikut peringkat masing-masing. Sejauh mana murid mencapai objektif sukatan pelajaran berkenaan akan menentukan penguasaan bahasa Inggeris mereka. Ini dilakukan melalui penilaian yang dibuat oleh guru di peringkat sekolah dan peperiksaan peringkat kebangsaan. Bahasa Inggeris merupakan salah satu mata-pelajaran yang diuji melalui

peperiksaan pusat seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

(b) Adalah sukar untuk dinyatakan taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah kita berbanding dengan pelajar di negara lain seperti Jepun, Korea Selatan dan Thailand kerana sehingga pada masa ini kajian perbandingan mengenai perkara tersebut belum dibuat. Di samping itu, alat pengukur penguasaan taraf bahasa Inggeris di antara negara-negara adalah berbeza mengikut keperluan. Oleh itu tidak dapat dinyatakan sama ada taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar kita adalah lebih rendah atau lebih baik daripada pelajar-pelajar negara lain.

(c) Dakwaan Yang Berhormat adalah kurang tepat kerana walaupun Kementerian Pendidikan sedang giat melaksanakan program-program meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah selaras dengan fungsi bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa ilmu, Kementerian Pendidikan tetap dan sentiasa berpegang kepada kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama dan bahasa rasmi negara.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau dilihat dari segi mutu pembelajaran bahasa Inggeris di bandar dengan di luar bandar di sekolah-sekolah, kita dapati mutu pembelajaran sekolah-sekolah di bandar lebih baik daripada sekolah-sekolah di luar bandar. Dan di sekolah-sekolah di luar

bandar, guru-guru yang mengajar matapelajaran bahasa Inggeris masih ramai yang tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya berbanding dengan guru-guru di bandar.

Yang kedua, murid-murid di bandar mendapat pembelajaran tambahan daripada guru-guru persendirian yang mempunyai kaedah yang mana bila seorang murid itu dihantar didapati tingkat kefahaman bahasa Inggerisnya lebih baik daripada apa yang dia sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Soalnya ialah apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kaedah pembelajaran atau pengajaran bagi pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah menengah.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa salah satu masalah yang Kementerian Pendidikan menghadapi dari segi pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris ialah kekurangan tenaga pengajar khususnya guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris. Untuk mengatasi masalah tersebut Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa program terutamanya untuk memberi latihan yang cukup kepada guru-guru yang sedang berkhidmat supaya mereka boleh dilatih dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Kita juga sedang mengkaji dan akan melaksanakan rancangan-rancangan tertentu untuk memperluaskan jumlah keluaran guru-guru terlatih bahasa Inggeris daripada maktab perguruan kita supaya kita boleh mengatasi masalah kekurangan tenaga guru bahasa Inggeris.

Tuan Abdul Malek Munip: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan

tahniah atas usaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris itu. Cuma saya amat mengkhawatiri masalah kita terjebak ke dalam perangkap psikologi antara menguasai bahasa Inggeris atau mendewa-dewakan bahasa Inggeris.

Kita kurang jelas tentang rasional yang lazim menjadikan asas kepada program.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan soalan.

Tuan Abdul Malek Munip: Soalan saya begini, sebab kalau kita menganggap standard bahasa Inggeris merosot kita membandingkan dahulu dengan sekarang. Sedangkan dahulu bahasa Inggeris adalah bahasa pertama dan bahasa elit dan tentunya sebagai bahasa kedua sekarang taraf penguasaannya berbeza.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Tuan Abdul Malek Munip: Tetapi soalan saya begini. Bilakah dan bagaimanakah dapat kita menganggap bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah dianggap memuaskan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa untuk mencapai segala hasrat wawasan negara kita untuk memajukan negara, kita haruslah mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid kerana era 1990an ini merupakan satu era di mana Malaysia sebagai sebuah negara haruslah berinteraksi dengan lebih rapat dengan negara-negara, khasnya negara-negara maju, kerana kita hendak dapat teknologi dan kemahiran mereka supaya kita sendiri boleh memajukan negara kita di mana kita boleh adakan bahawa kita telah dapat satu taraf memuaskan tentang penguasaan bahasa Inggeris kita.

Kementerian Pendidikan akan me-muaskan kalau semua murid-murid yang keluar dari sekolah kita sama ada sekolah rendah dan sekolah menengah boleh menggunakan bahasa Inggeris sebagai satu bahasa berinteraksi dan satu bahasa komunikasi bukan sahaja dengan kaum-kaum mereka tetapi apabila mereka ada peluang bercampur-gaul dengan orang asing, mereka juga boleh menggunakan bahasa Inggeris sebagai satu alat komunikasi. Ini adalah penting, kerana seperti yang saya katakan dalam era yang akan datang, Malaysia sebagai sebuah negara yang ingin menjadi sebuah negara yang maju haruslah berinteraksi dan berkomunikasi dengan semua negara di dunia ini.

ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA MOHON BALIK KE MALAYSIA

2. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orangkah bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) telah memohon untuk kembali ke negara ini;
- (b) setakat ini berapa orang telah kembali ke negara ini 1 dan di mana mereka ditempatkan;
- (c) apakah bezanya mereka yang diterima kembali 'tanpa syarat' dan 'bersyarat'; dan
- (d) apakah langkah-langkah dan tindakan pihak Kerajaan bagi memastikan bahawa mereka ini benar-benar ingin kembali dan tidak akan berpaling tadah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 442 bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) telah memohon untuk balik ke Malaysia.

- (b) Setakat ini, seramai 13 orang bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) telah dibenarkan kembali ke Malaysia. Mereka ini berada di merata-rata tempat untuk menjalani kehidupan baru di negara ini.
- (c) Soal penerimaan bekas anggota-anggota PKM 'tanpa bersyarat' tidak timbul. Sebenarnya, setiap anggota yang memohon untuk kembali ke negara ini mengikut jadual masa yang telah ditetapkan iaitu sebelum 1hb Disember 1990, akan diproses mengikut peraturan tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini termasuklah menghadiri temuduga oleh Cawangan Khas di mana mereka disyaratkan menyediakan dokumen-dokumen latarbelakang pengenalan diri seperti Sijil Kerakyatan, Kad Pengenalan, Sijil Beranak dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Juga pengakuan oleh setiap orang daripada mereka itu bahawa mereka tidak lagi menganggotai Parti Komunis Malaya dan telah menggugurkan ideologi komunis. Mereka yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan itu sahajalah yang akan diberi pertimbangan untuk kembali menetap di negara ini.
- (d) Peraturan-peraturan yang disebutkan sebentar tadi adalah antara beberapa langkah Kerajaan bagi memastikan supaya mereka yang diterima kembali ke Malaysia adalah bersih daripada fahaman komunis dan tidak lagi mengancam keselamatan negara. Di samping itu, Kerajaan akan terus mengawasi mereka ini dan jika mereka didapati menjalankan kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara, tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu pihak komunis mula-mula bergerak di akhir Perang Dunia Kedua dahulu, mereka ada membuat serangan-serangan kepada kampung-kampung dan pihak komunis telah menculik dan membawa lari beberapa orang kampung dan termasuk di kalangan mereka ini wanita dan kanak-kanak. Adakah di antara 442 orang yang memohon kembali ke tanahair ini termasuk mereka ini? Mereka ini sudahpun masuk gerakan Komunis oleh kerana mereka besar dalam kumpulan komunis. Mereka telah menerima ideologi komunis dan telah bergerak bersama dengan komunis dan sekarang ini mungkin mereka akan kembali balik ke kampung mereka.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian sedar bahawa sebahagian daripada mereka ini termasuklah beberapa belas orang daripada Kampung Chepor, Lenggong di dalam kawasan saya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang pihak Kerajaan buat sekarang ialah berdasarkan perjanjian yang telah dicapai antara wakil-wakil, antara pihak Kerajaan dengan pihak bekas PKM itu. Dan antara 442 orang anggota komunis itu, mereka adalah benar-benar anggota Parti Komunis dan bukannya orang kampung. Jika sekiranya ada sesiapa dari kampung itu kemudiannya sudah masuk menyertai sebagai anggota komunis maka kita anggap jugalah mereka sebagai anggota parti komunis dan layanan yang sama akan diberi terhadap mereka sama ada ada siapa daripada mereka itu datang dari Kampung Chepor, sebab ini adalah satu soalan yang sangat spesifik, saya tidak dapat pastikan. Jadi, saya minta notis.

Tuan R Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker. Di antara anggota-anggota komunis ini, adakah

pemimpin-pemimpin sebagai Rashid Maidin dan Chin Peng di antara anggota yang ada memohon untuk kembali ke negara kita sekarang?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di antara 442 anggota Parti Komunis ini yang memohon kembali ke negara ini adalah kebanyakan mereka yang dahulunya berasal dari negara ini. Oleh sebab itulah kita hendak memastikan mereka masih mempunyai dokumen untuk membuktikan bahawa mereka benar-benar datang daripada negara ini.

Mengenai sama ada Chin Peng atau Rashid Maidin ada memohon atau tidak, buat setakat ini saya tidak dapat memberi suatu maklumat yang tepat, sebab proses temuduga dan proses mengenalpastikan siapa yang telah memenuhi syarat-syarat itu untuk ditemuduga masih dijalankan.

Tuan R Karpal Singh: Tuan Speaker, dia tidak jawab soalan saya tadi. Adakah di antara senarai yang ada? Ada senarai, bukan? Ada di dalam senarai itu? Apa ini? (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi, antara 442 orang yang memohon itu, kita masih mengemaskinikan mereka. Jadi, tidak dapat saya nyatakan dengan tepat. Lagi pun, soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan R Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak apalah.

Tuan Ong Ka Ting: Sepatutnya, saya tidak payah jawab.

Tuan R Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

TERMINAL PERKHIDMATAN PENUMPANG FERI PULAU PINANG-PEMBINAAN SEMULA

3. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan alasan-alasan mengapa Kerajaan bercadang untuk membiarkan pembinaan semula Terminal Perkhidmatan Penumpang-penumpang Feri Pulau Pinang dan juga mengurangkan bilangan perkhidmatan feri-feri di terminal. Adakah Menteri tidak menyedari bahawa penduduk-penduduk Pulau Pinang menentang tindakan ini.

12.11.91

15. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa sebab-sebab yang telah mengakibatkan pihak yang berkenaan memutuskan perbatalan penggunaan feri dan pengkalan lama di Pulau Pinang dan Butterworth.

26.11.91

1. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sedang mengkaji kemungkinan penutupan Jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim dan kenaikan tambang feri untuk tujuan mengurangkan perkhidmatan feri SPPP, khususnya kepada pengangkutan berenjin. Jika ya, apakah pendirian dan sikap Kementerian beliau; dan
- (b) adakah beliau sedar sekiranya cadangan seperti itu dilaksanakan, ia akan menjejaskan kepentingan penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang, khususnya mereka di George Town dan Butterworth dalam aspek masa dan wang.

- (c) bukankah wang peruntukan untuk memperbaiki Jeti Feri Sultan Abdul Halim sebenarnya telah diperuntukkan pada tahun 1988 atau 1989 dan mengapa projek itu sehingga hari ini belum dijalankan atau dibatalkan; dan
- (d) apakah sebab tambang keretapi Tanah Melayu dinaikkan menjelang KTM diswastakan dan bukan selepas ia diswastakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa dan juga dibangkitkan oleh Tuan Lim Hock Seng dan Tuan Chian Heng Kai. Dengan demikian saya ingin menjawab soalan-soalan itu sekaligus.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Berikutan dengan peristiwa runtuh sebahagian pelantar penumpang di Pangkalan Sultan Abdul Halim, satu kajian kejuruteraan menyeluruh mengenai keadaan kedua-dua pangkalan lama di Pangkalan Sultan Abdul Halim dan Pangkalan Tun Uda telah dijalankan.

Kajian ini memperakukan bahawa kedua-dua pangkalan lama itu boleh dibaikpulih dengan menghadkan kegunaan bagi kenderaan yang kurang dari 7 tan berat dengan muatan tetapi pangkalan ini hanya boleh tahan/digunakan selama 5 tahun sahaja.

Feri-feri lama iaitu feri penumpang dan feri kenderaan yang mengalami kelajuan yang perlahan yang telah memberi kesan ke atas penjadualan perkhidmatan iaitu kadang-kadang lambat. Dan di samping itu feri-feri lama ini sudah terlanjut sangat usianya di antara 25-32 tahun dan perlu di phase-out, dengan izin.

Kos memperbaiki pengkalan-pengkalan lama serta menggantikan enjin feri-feri lama adalah dianggarkan pada jumlah \$22 juta. Disamping itu, pelaburan tambahan diperlukan bagi membolehkan pengkalan ini terus beroperasi selepas tempoh 5 tahun berkenaan. Ini akan meningkatkan kos pembaikan.

Memandangkan pembaikan ini memerlukan perbelanjaan yang besar, pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah menilai semula paras operasi perkhidmatan feri sejajar dengan permintaan trafik penumpang dan kenderaan. Kajian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan feri boleh beroperasi dari satu pengkalan iaitu pengkalan baru sahaja. Walau bagaimanapun, kapasiti bagi penumpang berjalan kaki tidak akan terjejas sebab feri-feri mempunyai kapasiti membawa 17 juta penumpang setahun sementara permintaan penumpang berjalan kaki adalah 6 juta setahun. Bagi trafik kenderaan, perkhidmatan feri akan menyediakan kapasiti yang mencukupi bagi permintaan trafik kenderaan yang menyeberang di antara Bandaraya George-town dan Butterworth iaitu intra city traffic, dengan izin, iaitu pada 1.613 juta CEU, dengan izin, car equivalent units, manakala para pengguna kenderaan yang lainnya masih mempunyai pilihan untuk menggunakan jambatan Pulau Pinang.

Berkenaan dengan kedudukan masa depan kedua-dua pengkalan lama ini, pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang akan membuat kajian untuk menentukan kegunaannya. Kajian ini merupakan sebahagian rancangan jangka pajang Pelabuhan Pulau Pinang dan akan dijalankan menerusi Kajian Pelan Induk Pelabuhan Pulau Pinang yang dijangka bermula tidak lama lagi.

Berkenaan dengan kenaikan tambang feri, pihak Suruhanjaya sedang mengkaji perkara ini sebab sejak Jambatan Pulau Pinang dibuka pada September, 1985, perkhidmatan

feri telah mengalami kerugian antara \$7 juta hingga \$8 juta tiap-tiap tahun. Oleh yang demikian pihak Suruhanjaya perlu merasionalisasikan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian (d), soalan daripada Yang Berhormat Tuan Chiang Heng Kai mengenai tambang keretapi, akan saya jawab mengikut jadual soalan ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

KADAR INFLASI

4. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan kadar inflasi yang kian naik dan Kerajaan sedang mengawasi keadaan ini, apakah langkah-langkah utama yang Kerajaan sedang ambil untuk mengesan faktor-faktor dalam negeri yang menyebabkan kadar inflasi bertambah.

8. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kenaikan Index Harga Pengguna yang sedang meningkat itu.

9.12.91

4. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada beliau sedar tentang kenaikan harga barang-barang keperluan harian yang sengaja dinaikkan oleh peniaga tanpa sebarang pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan. Jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk membendung perkara seperti ini.

10. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil langkah-langkah untuk menghalang kenaikan

harga bahan keperluan pengguna seperti susu, tepung, gula dan roti. Selepas Kerajaan mengumumkan kenaikan sementara gaji kakitangannya awal tahun ini, harga beberapa bahan telah meningkat..

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 8 pada hari ini dan juga soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit dan juga Yang Berhormat dari Hulu Selangor bertarikh 9.12.1991.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang menyebabkan inflasi di negara ini boleh dikategorikan pada keseluruhannya kepada 3 perkara iaitu:

- (i) **Inflasi Tarikan Permintaan (Demand Pull Inflation)** Ini berlaku apabila jumlah permintaan melebihi penawaran barangan dan perkhidmatan atau terlalu banyak wang mengejar barangan yang berkurangan. Pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 1% pada tahun 1990 dan pertumbuhan ekonomi negara secara berturut-turut hingga ke tahun 1991 telah menambahkan peluang-peluang pekerjaan, terutamanya di sektor pembuatan. Ini pula bermakna tambahan pendapatan dan tambahan kuasa membeli telah berlaku. Perbelanjaan oleh pengguna telah bertambah dengan pesatnya dan ditambah pula dengan penggunaan kad kredit secara berleluasa dan kesannya ialah kenaikan harga barang-barang.

(ii) **Inflasi Tolakan Kos (Cost Push Inflation)** Pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi tidak diimbangi dengan tambahan tenaga buruh yang mahir serta dengan kemudahan infrastruktur dan keupayaan kilang yang mencukupi juga mengakibatkan inflasi kerana menyebabkan kenaikan kos buruh dan kos pengeluaran.

(iii) **Inflasi Yang Diimport (Imported Inflation)** Pertambahan pelaburan semenjak tahun 1980 melibatkan pertambahan import, terutamanya mesin dan alat jentera dan barang-barang separuh siap. Ini ditambah dengan import barangan-barangan pengguna termasuk barang-barang mewah dan juga barang-barang perlu seperti bahan mentah yang tidak terdapat di negara ini atau tidak mencukupi.

Menyedari keadaan ini Kerajaan telah dan akan mengambil berbagai-bagai langkah untuk membendung inflasi, antaranya:

(a) Melalui dasar kewangan. Bank Negara telah menambahkan kadar simpanan wajib, dengan izin, statutory reserve requirement, ke atas bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar sebanyak 1% iaitu daripada 6.5% kepada 7.5% bertujuan untuk mengetatkan liquidity dengan menyerapkan sejumlah \$1.1 billion daripada sistem bank. Berikutan ini kebanyakan institusi-institusi kewangan telah menambahkan kadar pinjaman asas masing-masing diikuti dengan pertambahan dalam kadar faedah deposit tetap dan simpanan dan juga kadar pinjaman. Ini diharapkan boleh menggalakkan simpanan dan mengurangkan

jumlah wang di pasaran dan dengan itu mengurangkan perbelanjaan.

- (b) Kerajaan akan berterusan menambahkan kemudahan infrastruktur untuk mengurangkan bottlenecks dan tekanan kenaikan harga dan juga bagi memenuhi permintaan yang bertambah dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat.
- (c) Kerajaan akan juga menggalakkan industri-industri tertentu menambahkan pengeluaran mereka.
- (d) Tanaman tempatan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran akan dipertingkatkan dari segi pengeluaran serta produktiviti termasuk dengan mempertingkatkan penyelidikan dan teknologi.
- (e) Bekalan tenaga buruh teknikal dan mahir akan ditambah.
- (f) Bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, barang-barang perlu seperti gula, tepung gandum dan sebagainya akan terus dikawal untuk menentukan bekalan mencukupi dan dijual pada paras harga yang berpatutan.
- (g) Disamping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan juga mengawasi barang-barang keperluan harian amnya, termasuk roti dan susu bagi menentukan bekalan mencukupi dan harganya berada pada paras yang berpatutan.
- (h) Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian akan terus membuat pemeriksaan di kilang-kilang dan di premis-premis perniagaan dari masa ke semasa untuk memastikan pengeluaran dan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

- (i) Selain dari itu pengguna haruslah juga turut berusaha untuk mengawal inflasi dengan membeli secara bijaksana dan membeli apabila perlu dan mampu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di antara ketiga-tiga faktor yang disebutkan tadi yang menyebabkan inflasi iaitu Cost Push Inflation, Demand Pull Inflation dan Imported Inflation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor utama yang menyebabkan inflasi di negara Malaysia, di antara ketiga-tiga faktor yang disebutkan tadi itu?

Yang kedua, dalam Imported Inflation, satu daripada faktor utama ialah nilai matawang negara kita, kerana kalau kita hendak membeli barangan-barangan atau capital asset dari luar negeri, kadar atau nilai matawang negara kita adalah lemah berbanding dengan nilai matawang negara asing dan ini menggalakkan pertumbuhan atau kadar inflasi. Apakah usaha yang diambil untuk menyekat kelemahan nilai matawang Ringgit di Malaysia?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui umum, dalam sebarang ekonomi yang berkembang pesat sudah tentu akan berlaku inflasi. Itu satu perkara yang lumrah. Jadi, oleh sebab itu saya rasa sebab utama kita menghadapi masalah inflasi sekarang adalah kerana ekonomi kita yang berkembang dengan begitu pesat dan sudah tentulah perkara-perkara lain juga akan memberi sumbangan yang penting. Mengenai soal matawang kita, itu adalah satu perkara yang besar dan saya tidak tahu sama ada periu hendak dijawab semasa ini.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Timbalan

Menteri tadi ada menyatakan bahawa salah satu kesan yang mengakibatkan inflasi ialah penggunaan kad kredit secara berleluasa. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengawasi dan menghadkan pertambahan kad-kad kredit ini?

Kedua, baru-baru ini kita mendengar pengumuman Kerajaan untuk menaikkan gaji pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kerajaan. Apakah ini akan menjejaskan dan menambahkan kadar inflasi negara? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengawal inflasi adalah satu usaha yang harus dijalankan keseluruhannya oleh semua pihak iaitu oleh pihak Kerajaan, pihak pegawai-pegawai Kerajaan, institusi kewangan dan juga oleh rakyat sendiri.

Begitu juga dengan soal Ringgit kita yang lemah pada hari ini. Sungguhpun ada kalanya kita rugi, tetapi ada kalanya pula ekonomi kita untung dengan adanya kelemahan Ringgit kita itu.

Mengenai kad-kad kredit itu, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pihak Kementerian Kewangan baru-baru ini, beberapa langkah sedang difikirkan untuk menghadkan penggunaan secara besar-besaran kad-kad kredit itu. Ini akan diisytiharkan dari semasa ke semasa dan sudah tentu oleh Kementerian yang berkaitan.

Mengenai gaji pegawai-pegawai itu, sudah tentulah setiap kali ada kenaikan gaji pegawai-pegawai yang begitu besar jumlahnya dan kali ini hampir \$2 billion, sudah tentu ini akan sedikit-sebanyak membahayakan usaha kita untuk mengawal inflasi. Jadi, dalam hubungan ini ada hadnya kerana pihak Kerajaan boleh memainkan peranan dalam menyekat keadaan tersebut. Sudah tentulah, saya rasa, pegawai-pegawai yang berkaitan harus juga

mempunyai kesedaran untuk memberikan sumbangan mereka terhadap usaha ini.

BAJA SUBSIDI KEPADA PETANI-PETANI KELANTAN

5. Puan Hajah Ilani bte Dato Haji Isahak minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa baja yang dibiayai oleh wang rakyat diagihkan oleh KADA kepada petani-petani di kawasan DUN Sungai Pinang dan DUN Limbongan sewaktu Pilihanraya Kecil di kawasan-kawasan tersebut. Tidakkah pihak Kementerian sedar bahawa Kementerian telah mengecewakan petani-petani kerana sengaja melambatkan pembahagian baja demi untuk kepentingan politik parti Barisan Nasional dan mengenyepikan kepentingan petani-petani yang memerlukan baja itu awal tahun lagi.

24.10.91

12. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa jumlah peruntukan subsidi baja padi bagi seluruh negeri Kelantan bagi Rancangan Malaysia Keenam;
- (b) mengapakah pemberian baja padi diberi melalui KADA dan siapakah yang berhak menerima subsidi; dan
- (c) apakah bantuan subsidi baja padi akan diteruskan jika rakyat Kelantan tidak mengundi Barisan Nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas pada 24hb. Oktober, 1991, memandangkan perkara yang dibangkitkan melibatkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pembahagian baja subsidi kepada petani-petani adalah mengikut ke-perluan dan jadual penanaman padi. Oleh itu, pembahagian baja di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pinang dan DUN Limbongan baru-baru ini tidak ada kena mengena dengan pilihanraya di kawasan-kawasan berkenaan.

Kementerian Pertanian tidak berniat untuk melambat-lambatkan pemberian baja subsidi kepada petani-petani di negeri Kelantan sebagaimana yang didakwa. Kelewatan berlaku disebabkan oleh terganggunya saluran pembahagian baja subsidi yang sedia ada bilamana Kerajaan Negeri telah memberhentikan perkhidmatan semua Penghulu di negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telahpun melantik Penyelia Pembangunan, yang antara tugasnya adalah untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan pembahagian baja kepada petani-petani. Kelewatan pembahagian baja kepada petani-petani tidak akan timbul lagi pada masa akan datang kerana urusan pembahagian baja kepada semua petani akan dilakukan mulai awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan subsidi baja padi di bawah Rancangan Malaysia Keenam berjumlah \$397,950,000. Peruntukan ini disediakan secara, dengan izin, block vote, untuk keperluan seluruh negara dan tidak dibahagikan mengikut negeri-negeri.

Pemberian baja subsidi ini disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang bertindak sebagai stokis. Dari segi pengagihan baja kepada petani-petani, KADA memainkan peranan pe-

ngawasan dan pengesanan bagi PPK di dalam kawasannya. Peranan yang sama adalah dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang bagi PPK di luar kawasan KADA. Keadaan yang serupa berlaku di kawasan MADA di negeri Kedah, di mana MADA bertanggungjawab ke atas PPK di dalam kawasannya. Manakala bagi PPK di luar kawasan MADA adalah di bawah kawalan LPP.

Dari segi kelayakan menerima subsidi, semua penanam padi sama ada dengan mengusahakan sawahnya sendiri atau mengusahakan tanah yang disewa, dipawah atau dipajak, layak menerima baja subsidi setelah mendaftar diri dengan PPK berkenaan.

Bantuan subsidi baja padi akan diteruskan kepada mereka yang layak menerimanya mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

Tuan Haji Sukri bin Haji

Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya banyak soalan tambahan, tetapi berapa soalan Tuan Yang di-Pertua boleh benarkan saya bertanya? Dua atau tiga?

Tuan Yang di-Pertua: Dua.

Tuan Haji Sukri bin Haji

Mohamed: Dua, terima kasih. Yang pertama, baru-baru ini kita telah mendengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta Kerajaan di negeri Kelantan supaya jangan bermain politik di dalam semua usaha pembangunan di negeri Kelantan. Soalan tambahan saya, mengapakah dalam pembahagian baja ini terlalu dipolitikkan iaitu penyokong-penyokong PAS dan Semangat 46 di negeri Kelantan dinafikan haknya? Saya ada bukti mengenai kenyataan ini, dan kalau Setiausaha Parlimen berkehendak, saya boleh kemukakan.

Yang keduanya, tadi dari segi kelayakan dikatakan semua petani dapat, semua petani mendapat

kemudahan subsidi baja. Tetapi kenyataan ini tidak begitu. Dari segi pembahagiannya, mereka yang bertanggungjawab di peringkat kampung membahagikan baja ini tidak memberi kepada penyokong selain daripada Barisan Nasional. Sehingga mereka ini menjual—penyalahgunaan berlaku, sehingga seorang Penghulu Barisan Nasional mendapat \$400-\$500-\$600 kerana menjual baja, mencari keuntungan daripada projek ini. *(Disampuk)* Saya ada bukti mengenai perkara ini dan kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkehendak, dan kalau kita diminta lodge police report pun kita akan buat. Saya ada bukti nyata tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji

Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa kita tidak ada sekatan. Pemberian baja ini, kita beri kepada semua petani dengan syarat petani-petani yang berkenaan mendaftarkan diri dengan PPK. Jadi, kalau dia tidak daftar, bagaimanakah baja yang berkenaan dapat disampaikan? Dan apabila pendaftaran dibuat, kita akan membuat kajian dan baja-baja ini setelah selesai kajian, kita akan sampaikan kepada petani-petani.

Kalau Yang Berhormat ada bukti-bukti, saya tidak dapat menahan Yang Berhormat untuk melaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin

Wan Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya berlaku juga sebagaimana apa yang telah dinyatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi, apakah jaminan pihak Kementerian supaya mereka yang betul-betul berhak untuk mendapat baja padi itu diberikan baja padi. Sebab orang-orang atau penduduk-penduduk di kawasan saya, mereka ini adalah petani yang betul-betul berhak dan mempunyai kelayakan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, itulah soalan yang pertama.

Tuan . Yang di-Pertua: Itu bukannya soalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada lagi soalan lain, tetapi saya minta dijawab soalan yang pertama.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya tak perlu jawab sebab dia tak berlaku lagi. Cuma "sekiranya berlaku", jadi perkara itu hanya andaian sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Perkara ini memang telahpun berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah.

MESYUARAT G15—SEBAB PENANGGUHAN

16. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Mesyuarat Kumpulan G15 yang begitu penting baru-baru ini, di mana beliau adalah Pengerusi, telah dibatalkan tanpa sebarang sebab yang diberikan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan) Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Kumpulan G15 yang telah dijadualkan bersidang pada 26hb. hingga 29hb Jun tahun ini sebenarnya tidak dibatalkan tetapi ditangguh ataupun ditunda. Sebab utama mesyuarat berkenaan ditunda adalah kerana semasa diadakan perundingan awal, banyak ketua-ketua negara atau ketua-ketua kerajaan tidak dapat menghadiri persidangan tersebut.

Persediaan sedang dibuat untuk mengadakan mesyuarat yang sama pada akhir bulan November tahun ini.

KILANG PENAPIS MINYAK DI SUNGAI LIMAU, KEDAH

7. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimana dengan cadangan untuk menyediakan kilang penapis minyak di Sg. Limau, Kedah di kawasan tanah 1,000 ekar yang sedang diusahakan pembeliannya oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian, satu lesen pengilang telah diluluskan kepada sebuah syarikat yang berkuatkuasa mulai 1hb. Februari, 1990 bagi mengeluarkan, dengan izin, liquified petroleum gas, propylene, motor gasoline, dual purpose kerosine, gas oil ataupun diesel, field oil dan sulphur di Mukim Yan, Kedah Darulaman.

Walau bagaimanapun, syarikat tersebut tidak dapat melaksanakan projek dalam tempoh yang disyaratkan iaitu enam bulan dari tarikh lesen dikeluarkan. Jika pembinaan tidak bermula dalam masa enam bulan dari tarikh lesen dikeluarkan, lesen tersebut boleh ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana syarikat tidak menunjukkan tanda-tanda untuk memulakan pembinaan loji penapis tersebut, syarikat telah diberi notis pembatalan lesen pengilang pada 11hb. Januari, 1991. Syarikat telah memohon dan diberi kelulusan bagi membolehkan tempoh pelaksanaan projek dilanjutkan sehingga 10hb. Julai, 1991. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh tersebut, syarikat masih tidak mengambil apa-apa tindakan untuk melaksanakan projek dan dengan demikian, Kementerian telah membatalkan lesen pengilang syarikat tersebut melalui surat bertarikh 26hb. Julai, 1991.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapakah yang memutuskan dan kenapakah diputuskan untuk ditempatkan kilang tersebut di Sungai Limau, Kedah, walhal Kedah tidak pun mengeluarkan minyak.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ini tertanggung di atas pihak pemohon. Pihak pemohon ingin mendapatkan satu tapak di situ dan dengan itu kita telah mengkaji dan didapati tempat itu sesuai, kita pun dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tasek Chenderoh pun boleh juga (*Ketawa*).

SOALAN NO. 8

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Foo Piew Kok.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Speaker, soalan saya yang kelapan telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa-apa tambahan?

Tuan Foo Piew Kok: Tiada apa-apa soalan tambahan.

KAD PENGENALAN BARU

9. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) dalam proses melaksanakan pertukaran Kad Pengenalan lama ke baru terdapat ramai rakyat mempunyai masalah berkenaan dengan ejaan "SEH" (Surname) atau "NAMA" mereka baik pun di dalam Sijil Warganegara mahupun di Sijil Kelahiran yang berbeza dengan Kad Pengenalan diri. Apakah implikasinya, jikalau si pemohon menghadapi masalah itu; dan

- (b) bagi setengah rakyat yang lahir di tanahair ini tetapi mereka tidak mempunyai sijil kelahiran dan hanya mempunyai Surat Sumpah untuk memohon Kad Pengenalan biru dahulu. Apakah implikasinya dalam permohonan pertukaran Kad Pengenalan dan sama ada si pemohon akan hilang taraf kewarganegaraan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemohon kad pengenalan baru adalah dinasihatkan supaya memohon terlebih dahulu untuk menyelaraskan perbezaan ejaan atas nama mereka sebagaimana yang tercatat di dalam sijil kelahiran dan sijil kerakyatan.
- (b) Pemohon kad pengenalan baru yang tidak mempunyai sijil beranak akan disemak taraf kerakyatan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara, terutama dokumen-dokumen yang diguna semasa pengeluaran kad pengenalan biru plastik. Jika taraf kerakyatan mereka diperolehi dengan cara yang teratur maka masalah hilang taraf tidak timbul.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa permohonan untuk pertukaran nama dan permohonan-permohonan yang lain di Jabatan Pendaftaran Negara sering kali menimbulkan masalah kepada pemohon. Bolehkah Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara sendiri untuk menyaksikan apakah sahaja yang berlaku seperti mana yang telah saya buat seringkali tiap-tiap tahun, hampir tiap-tiap minggu saya pergi ke situ menyaksikan dengan sendiri. Bolehkah Yang Berhormat kedua-dua ini di sini pergi ke situ untuk menyaksikan apakah yang berlaku dan apakah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mengemukakan pertanyaan, bukan hendak suruh mereka pergi ke mana-mana tempat. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sanggupkah Kementeriannya menubuhkan satu pusat khas seperti Pusat Serenti itu khasnya untuk mengendalikan hal ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah salah eja ataupun ejaan nama itu tidak selaras, masalah itu telahpun diambil berat oleh semua Wakil Rakyat Barisan Nasional. (*Tepuk*) Wakil Rakyat kita sentiasa melalui Jabatan Pendaftaran Negara, sentiasa memberi banyak nasihat kepada mereka. Dan mengenai sama ada sanggup atau tidak

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap, biar dia menjawab. Silakan.

Tuan Ong Ka Ting: Nantilah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Berilah dia jawab dahulu.

Tuan Ong Ka Ting: Mengenai soal sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau saya sanggup atau tidak melawat pusat-pusat itu, sebenarnya saya rasa kami sudah banyak kali pergi melawat, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingat dia sahaja yang buat sedikit kerja itu.

Sebenarnya kita telah banyak kali berjumpa bukan sahaja dengan public juga pegawai Jabatan Pendaftaran itu untuk memahami masalah kedua-dua pihak yang menghadapi. Dan sebenarnya banyak mesyuarat dalaman sudah diadakan untuk seboleh-bolehnya memudahkan apa-apa sahaja prosedur termasuk baru-baru ini Jabatan Pen-

daftar Negara akan mengadakan dialog dan taklimat kepada ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kampung untuk memberitahu mereka bagaimana mengatasi masalah yang akan dihadapi oleh orang ini.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menerangkan salah satu tujuan untuk Jabatan Pendaftaran Negara hendak memastikan butiran antara surat beranak dan sijil kerakyatan dengan kad pengenalan itu ialah supaya dapat kita membetulkan semua butir-butir perseorangan di seluruh negara ini untuk membolehkan satu data kependudukan akan dapat diwujudkan dengan tepat supaya tidak ada masalah akan timbul pada masa depan.

Jadi, walaupun sedikit masalah akan timbul, itu adalah satu proses yang kita perlu mengalami dan cuba sama-sama usaha untuk menjayakannya. Itulah yang dapat saya jelaskan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan proses melaksanakan pertukaran kad pengenalan terpaksa mengikut prosedur yang tertentu ada kemungkinan rakyat kampung ataupun orang-orang yang kurang faham tentang prosedur ini akan menghadapi sedikit kesusahan. Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian bercadang ataupun apa langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menolong orang-orang seperti yang saya sebut supaya mereka dapat membuat permohonan untuk melaksanakan kad pengenalan yang baru itu seperti mengadakan pusat-pusat service oleh Kerajaan di tempat-tempat tertentu untuk menolong dalam permohonan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya terangkan selain daripada Pusat-pusat Perkhidmatan Wakil Rakyat, sebenarnya semua pegawai-pegawai pendaftaran telahpun dipanggil untuk

membuat seminar baru-baru ini. Sebelum sistem ini dilaksanakan, seminar telah diadakan pada semua peringkat. Walau bagaimanapun, prosedur untuk pinda butiran itu telahpun dimudahkan. Apa yang perlu seseorang itu buat ialah pastikan ia akan mengisi satu borang untuk pinda butiran sebelum dia memohon kad pengenalan baru.

Untuk memudahkan lagi perkhidmatan ini, saya telah terangkan tadi, taklimat akan diadakan kepada ketua-ketua masyarakat tempatan dan dalam aspek itu Kementerian dan JPN sedang mengusahakan taklimat ini.

PENDATANG HARAM FILIPINA DI SABAH

10. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah pendatang haram Filipina yang terdapat di Kampung Tungkang Badarang dalam Daerah Kudat, Sabah serta menyatakan:

- (a) bilangan pendatang haram di tempat tersebut; dan
- (b) tuduhan orang ramai yang berhampiran bahawa tempat itu menjadi tapak pembuatan senjata api haram oleh pendatang-pendatang itu.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk soalan yang kesepuluh.

- (a) Langkah-langkah bagi mengatasi masalah pendatang haram Filipina di Negeri Sabah sedang diambil oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pasukan

Petugas Khas tersebut telahpun melaksanakan gerakan pendaftaran. Adalah sukar untuk menentukan bilangan pendatang haram di sesuatu tempat sahaja ketika ini kerana proses bagi menentukan jumlah pendatang luar negeri yang telah didaftarkan masih berjalan ketika ini. Jumlah keseluruhan pendatang luar negeri di Sabah pada keseluruhannya akan dapat diketahui apabila proses ini selesai akhir tahun ini.

- (b) Tidak ada maklumat yang diterima tentang wujudnya tapak pembuatan senjata api haram oleh pendatang haram di Kampung Tungkang Badarang, Kudat. Oleh itu jika Ahli Yang Berhormat ada maklumat lanjut, silalah hubungi pihak Polis dengan segera.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pihak Kementerian Dalam Negeri membezakan di antara pendatang haram sesebuah negara sama ada Filipina, Indonesia dan sebagainya dengan pendatang ataupun pelarian politik daripada negara tersebut. Bagaimanakah untuk membezakan antara pendatang haram dan pelarian politik?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pendatang haram adalah jelas sekali mereka yang datang tanpa izin dan datang secara menyusup masuk. Pelarian politik adalah sesuatu yang telah di dalam perhatian antarabangsa di mana rundingan ada dijalankan antara Kedutaan dan Kementerian Luar Negeri. Jadi, pendatang haram itu adalah pada kategori yang lain.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan saya ada dua. Pertamanya, sesudah pendaftaran menerusi gerakan banci siap dibuat

bagi pendatang haram di negeri Sabah, apakah status pendatang haram yang telah didaftarkan selepas itu, iaitu sama ada mereka itu dihantar balik ke negeri asalnya ataupun kedudukan mereka akan dilegalised ataupun dikurung dalam satu pulau seperti yang dibuat kepada orang-orang Vietnam di Pulau Bidong di Semenanjung Malaysia?

Soalan saya yang kedua ialah, ini merujuk kepada pembuatan senjata api haram. Adakah Kerajaan tidak pernah mendengar ataupun adakah benar bahawa kebanyakan orang yang tertangkap oleh polis kerana memiliki senjata api haram di negeri Sabah dikatakan membeli senjata api haram dan pelurunya sekali daripada pendatang haram. Kalau ini benar, bukankah itu satu bukti yang cukup bahawa betapa bahayanya kehadiran mereka di tempat khasnya yang dikatakan dalam soalan asal ini dan seterusnya kepada negeri Sabah dan juga kepada seluruh negara. Oleh yang demikian, apakah tindakan Kerajaan yang dianggap paling berkesan dalam jangka pendek untuk memberhentikan kegiatan yang merbahaya oleh pendatang-pendatang haram itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi buat sementara ini pendaftaran masih dijalankan oleh Majlis Keselamatan Negara. Sebaik sahaja pendaftaran itu disempurnakan, Majlis Keselamatan Negara dan pihak-pihak berkuasa yang lain akan menentukan buat satu keputusan yang terakhir. Walau bagaimanapun, untuk pendatang haram negara ini, termasuk mereka yang bekerja tanpa izin sama juga negara ini memegang kepada pendirian

Tuan Maidom P. Pansai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran ini telahpun selesai pada bulan Ogos yang lalu di peringkat negeri Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Saya baru sahaja beritahu ia akan tamat pada akhir tahun ini, jadi tahun ini belum berakhir, jadi sabarlah. Nanti pihak berkuasa akan beritahu apa kita akan buat tentang pendatang haram ini. Jangan bimbang kerana polisi negara kita ini memang ketat, kita tidak benarkan siapa-siapa datang secara haram atau dengan sesuka hati.

Untuk soalan yang kedua mengenai bukti senjata api haram itu, sepertimana saya telah katakan jikalau ada maklumat yang spesifik beri kepada polis dan polis tidak akan bertolak ansur. Tidak boleh kita katakan ada terdapat senjata api haram di sana-sini, maka kita buat kesimpulan bahawa senjata api itu datangnya dari sesuatu tempat. Kalau sekiranya tempat itu wujud, berilah maklumat kepada polis dan polis mesti ambil tindakan.

BEKALAN ELEKTRIK DI LADANG-LADANG

11. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membekalkan bekalan elektrik di ladang-ladang;
- (b) nyatakan jumlah ladang-ladang yang belum menerima bekalan elektrik; dan
- (c) sehingga bila kawasan ladang-ladang yang telah tercicir ini akan mendapat bekalan elektrik.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat luar bandar dan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor estet, Kerajaan telah meluluskan Akta Standard-Standard Minimum

Perumahan dan Kemudahan Pekerja-Pekerja 1990. Akta ini memperuntukkan bahawa pengurusan sesebuah estet adalah bertanggungjawab dan berkewajipan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik di estet-estet masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kerajaan dapat tahu sebahagian besar ladang-ladang membekalkan tenaga elektrik kepada pekerja-pekerja mereka dari pukul 5.00 petang hingga pukul 10.00 malam sahaja daripada janakuasa sendiri mereka. Untuk menggalak ladang-ladang ini mendapat bekalan 24 jam dari Tenaga Nasional yang mana pekerja-pekerja boleh dibekalkan kuasa elektrik 24 jam, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar telah meluluskan peruntukan khas \$20 juta yang mana Kerajaan akan bertanggungjawab untuk membayar 1/3 kos dan TNB 1/3 dan majikan akan membayar 1/3 kos untuk mengadakan lampu elektrik dari Tenaga Nasional ke ladang-ladang. Kepada ladang-ladang kecil luasnya kurang daripada 500 ekar, Kerajaan akan bertanggungjawab untuk membayar seratus peratus untuk membekalkan elektrik kepada mereka.

Jawapan untuk soalan (b) dan (c), kajian 'on the ground', dengan izin, menunjukkan terdapatnya 133 estet yang tiada menikmati kemudahan bekalan elektrik. Semua estet-estet ini dijangka akan mendapat bekalan elektrik dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, di estet perumahan saya sudah lama ada bekalan elektrik tetapi selalu ada breakdown seperti semalam dari pukul 6.00 petang sampai midnight. Saya hendak buat sedikit kerja untuk Parlimen pun tak boleh. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa selalu ada breakdown?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soal asal itu ialah berkenaan dengan bekalan elektrik ke ladang-ladang sahaja. Tidak ada apa-apa kaitan dengan breakdown yang berlaku di bandar Petaling Jaya yang mana Ahli Yang Berhormat duduk, tetapi kalau ada soalan yang lain saya boleh jawablah.

RANCANGAN TELEVISYEN

12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah garis panduan yang ditentukan oleh pihak Kementerian terhadap rancangan-rancangan televisyen yang boleh meruntuhkan akhlak terutama sekali di kalangan muda-mudi; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang dikenakan terhadap syarikat-syarikat iklan yang menaja sesuatu rancangan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penyiaran Kementerian Penerangan atau RTM adalah satu badan yang bertanggungjawab membantu memupuk akhlak yang mulia di kalangan masyarakat kita. Oleh itu kalau ada difikirkan olehnya rancangan-rancangan yang jelas boleh meruntuhkan akhlak, RTM akan terus menolak rancangan tersebut. Oleh kerana itu, soalan (b) tidak ada kaitan.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dari segi rasionalnya pihak Kementerian masih mengekalkan bayaran lesen radio dan televisyen sedangkan kalau dilihat dari segi jumlah atau banyaknya iklan di televisyen iaitu di Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua adalah sama banyak dengan TV3.

Yang kedua, apakah langkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi menentukan bahawa gangguan daripada TV Thailand dapat dihindarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan itu tak ada kait-mengait dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Adakah telah diambil tindakan ke atas pelanggaran garis-garis panduan dan syarat-syarat yang dikemukakan.

Yang kedua, apakah cara tindakan yang telah diambil?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah nyatakan tadi bahawasanya kiranya ada program yang dirasakan keterlaluan, menjolok mata ataupun terlibat di dalam menyumbang ke arah keruntuhan akhlak, maka RTM dengan sendirinya tidak menerima. Jadi, tidak ada timbul masalah hukuman yang hendak diambil kepada sesiapa. Bagi siaran stesen TV swasta, penapisan oleh LPF adalah mencukupi untuk menjaga kepentingan umum.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Garispanduan untuk menentukan sama ada menjolok mata atau tidak menjolok mata dan sebagainya, ia mengikut garispanduan ideologi apa? Adakah agama Islam, Kristian, Budha atau agama Malaysia? Garispanduan apa yang ditentukan menjolok mata atau akhlak dan sebagainya?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, nilai-nilai ketimuran. Yang ditapis bukan sahaja masalah itu. Banyak lagi perkara-perkara seperti tema, mauduk,

senikata, lagu, babak-babak ngeri, ganas dan sebagainya tetapi pada kiraan saya nilai-nilai ketimuran yang diambil kira.

HARGA BARANG-BARANG— KAWALAN

13. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) tindakan yang akan diambil untuk mengawal harga semua jenis barangan yang akan melambung berikutan dengan bertambahnya pelancong ke Pulau Langkawi sebelum dan semasa pameran LIMA 1991; dan
- (b) rancangan jangka pendek dan panjang Kementerian untuk mengisi bilik yang kosong di hotel-hotel dan tempat penginapan selepas pameran LIMA 1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk membuat andaian bahawa harga semua jenis barangan akan melambung berikutan dengan bertambahnya pelancong ke Pulau Langkawi sebelum dan semasa pameran LIMA 1991. Kawalan atau safeguards, dengan izin, yang sedia ada yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan adalah memadai untuk memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil keuntungan semasa pameran-pameran ini diadakan.

Bagi tujuan mengisi bilik-bilik hotel dan tempat penginapan selepas pameran LIMA 1991, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan terus memasarkan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang terulung di rantau ini. Berbagai program dan pameran

akan diadakan di Pulau Langkawi dari semasa ke semasa seperti mesyuarat bagi Asean Tourism Forum 1992 yang akan juga diadakan di Pulau Langkawi pada bulan Januari 1992 yang akan datang ini.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejayaan pameran LIMA 1991 ini, jadi saya sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri Kedah, saya bimbang keadaan jerebu yang sedang dialami akan menjejaskan pameran tersebut. Apakah cadangan persediaan Kementerian supaya dapat mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jerebu ya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perancangan, memanglah dalam Jawatankuasa Induk ada agensi dan Jabatan-jabatan berkenaan. Mengikut ramalan cuaca, mungkin keadaan jerebu akan berkurangan, tetapi kalau ia berlaku juga, wallahua'lam, itu kehendak Allah subhanahu wataala. (*Ketawa*)

PEGAWAI POLIS—KENAIKAN PANGKAT

14. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota polis yang dinaikkan pangkat untuk semua peringkat bagi tahun 1991. Apakah kriteria yang digunakan. Apakah elaun, termasuk perumahan yang diberi kepada anggota-anggota polis di semua peringkat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pegawai Kanan Polis yang dinaikkan pangkat sehingga bulan Oktober 1991 ialah seramai 44 orang.

Urusan kenaikan pangkat bagi mengisi 913 jawatan anggota pangkat rendah sedang berjalan. Adalah dijangka pengumuman kenaikan pangkat itu dapat dibuat pada penghujung tahun ini.

Syarat kenaikan pangkat bagi pegawai dan anggota polis adalah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Dalam memilih calon-calon untuk dinaikkan pangkat, peruntukan Perintah Am Bab 'A' sentiasa dipatuhi iaitu pemilihan calon untuk kenaikan pangkat dibuat semata-mata atas kebolehan merit dan kekananan hanya diambilkira sekiranya seseorang pegawai itu mempunyai kebolehan yang sama.

Sebanyak 41 jenis elaun yang telah diluluskan oleh Kerajaan kepada pegawai dan anggota-anggota polis. Antara elaun tersebut termasuklah bayaran elaun sewa rumah yang dinikmati oleh semua genap lapisan pegawai dan anggota.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada 44 orang pegawai tinggi itu yang dinaikkan pangkat, sebahagian besarnya daripada Bukit Aman sahaja walhal tempat-tempat yang lain tidak nampak sangat. Kalau saya tidak silap lebih 7 ataupun 8 orang daripada Bukit Aman dan adakah dia sedar misalnya Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Norein Mai misalnya, adakah kemungkinan kerana beliau membuat senarai untuk menangkap pihak kami seramai 107 orang pada tahun 1987 dan dengan ini dia dapat pengkat tinggi sedikit (*Ketawa*), adakah ini kemungkinan, adakah membuat penyiasatan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap, sekejap. Yang Berhormat dari Kepong sekejap, saya hendak bertanya berkenaan kenaikan pangkat Polis ini, adakah ia di bawah Suruhanjaya Polis?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 36, janganlah mem-bangkitkan soal itu. (*Disampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bangkitkan apa yang disebutkan sebagai kekananan dan juga merit dan saya hendak mendapat bukti.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai cara untuk menaikkan pangkat polis dan juga mengenai elaun. Saya bertanya di sini, mengenai amaun elaun dan sebagainya, tetapi saya nampak tidak ada, misalnya untuk konstabel, elaun untuk perumahan yang begitu rendah, bolehkah dia sebutkan di sini pakej gaji baru ini, kadar elaun yang baru yang akan diberi kepada konstabel, kepada inspektor, kepada sarjan, korporal dan sebagainya, adakah beliau anggap itu munasabah bagi pihak konstabel ini dengan kadar sewaan yang begitu rendah? Saya tunggu jawapan daripada dia, kalau dia tak sempat, mungkin Timbalan Menteri dapat menjawabnya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana dia mengambil berat tentang polis sama ada untuk mendapatkan sedikit publisiti atau benar-benar dia hendak tahu. *(Tepuk)*

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan, dia sedang jawab Yang Berhormat. Beri dia jawab ya. *(Disampuk)*

Tuan Ong Ka Ting: Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan soalnya yang pertama dengan tidak payah menyentuh tentang "Police Commission". Kalau 44 pangkat itu adalah pangkat yang tinggi daripada Timbalan

Pesuruhjaya Polis sehingga Penguasa Polis, selalunya pangkat yang tinggi itu bukan datang dari Bukit Aman, datang dari mana? Takkan datang dari daerah-daerah yang kecil!

Jadi, 44 orang pegawai yang kanan itu kalau kebanyakannya datang dari Bukit Aman, itu bukan satu perkara yang begitu menghairankan sangat dan adalah juga tidak benar bahawa cuma orang Bukit Aman sahaja yang naik pangkat. Ada juga pegawai yang bertugas di tempat lain termasuk mereka di Kedutaan Luar Negeri pun dinaikkan pangkat. Jadi untuk membetulkan statement itu, saya ingin membuat penjelasan ini.

Untuk bahagian kedua, saya sudah sebut tadi, ada sejumlah 41 elaun yang begitu banyak di sini, kalau saya baca satu persatu tak sempat dan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat. . . .

Tuan Ong Ka Ting: Boleh saya beri dua tiga contoh, antara mereka ini ialah Elaun Khidmat Polis yang melibatkan semua peringkat, Elaun Bantuan Sewa Rumah, Elaun Wilayah, Elaun Ketukangan, Elaun Pakaian Seragam

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Ong Ka Ting: Cukup ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. *(Ketawa)* Nanti ramai pula yang minta jadi Pegawai Polis, susah. *(Ketawa)* Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 28 adalah diberi di bawah ini)

SYARIKAT LUAR PESISIR

15. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilangan Syarikat Luar Pesisir yang telah ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (b) apakah keperluan-keperluan prosedur bagi menubuhkan Syarikat Luar Pesisir; dan
- (c) apakah batasan dan halangan bagi kemasukan pelabur-pelabur asing di Labuan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:

- (a) Buat masa ini terdapat 25 buah syarikat telah ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Labuan sejak 1hb Oktober, 1990.
- (b) Syarat-syarat keperluan dan prosedur bagi menubuhkan Syarikat Luar Pesisir di Labuan adalah seperti berikut:
 - (i) memerlukan sekurang-kurangnya seorang pengarah yang bukan pemastautin di Malaysia; atau
jika beliau seorang pemastautin di Malaysia, beliau hendaklah merupakan pegawai sebuah Syarikat Amanah yang didaftarkan di Labuan.
 - (ii) memerlukan sekurang-kurangnya seorang pemegang saham, sama ada orang perseorangan yang bukan pemastautin di Malaysia ataupun Syarikat-syarikat Luar Pesisir, bank dan syarikat insurans.
 - (iii) semua urusan penubuhan dan pendaftaran Syarikat Luar Pesisir mestilah

dibuat melalui sebuah Syarikat Amanah.

- (iv) peringkat pertama tindakan penubuhan ialah untuk mendapatkan kelulusan nama bagi sebuah Syarikat Luar Pesisir daripada Pejabat Pendaftar Syarikat Rantau melalui Borang 10 (permohonan bagi kelulusan nama). Setiap nama syarikat pesisiran hendaklah mengandungi huruf (L) di samping nama syarikat yang dipohon.
- (v) selepas kelulusan nama, pemohon dikehendaki memfailkan dokumen-dokumen penubuhan seperti Borang 6 (surat akuan sumpah oleh Syarikat Amanah), Borang 21 (kebenaran untuk menjadi pengarah) dan Memorandum dan Artikel dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan nama diberi.
- (vi) sijil penubuhan syarikat akan dikeluarkan dalam jangka masa 2 hari setelah dokumen-dokumen di atas dan bayaran pendaftaran diterima. (Bayaran pendaftaran ialah di antara \$1,250 hingga \$5,250 bergantung kepada modal saham yang dibenar).
- (c) Setakat yang melibatkan penubuhan dan pendaftaran Syarikat Luar Pesisir, selain daripada syarat-syarat dan prosedur penubuhan sesebuah syarikat seperti di atas, tiada apa-apa lagi batasan atau halangan yang lain bagi pelabur asing untuk menubuh dan mendaftarkan Syarikat Luar Pesisir di Labuan.

PERKHIDMATAN FERI JOHOR—SINGAPURA

16. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terbaru mengenai cadangan projek perkhidmatan feri Johor-Singapura.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Pembinaan projek perkhidmatan feri Johor-Singapura sedang dijalankan dengan licinnya.

Kerja-kerja projek feri boleh dibahagikan seperti berikut:

1. Terminal Feri Tg. Belungkor, Johor

1.1 Kerja-kerja Marin (Fasa I)

Pemborong telah memulakan kerja pada 1hb November 1990. Kemajuan kerja sehingga hujung September 1991 ialah 52%. Kemajuan kerja-kerja di tapak adalah seperti berikut:

- (i) pembersihan tapak bina—siap;
- (ii) kerja-kerja ukur—siap;
- (iii) pengorekan tanah yang kurang sesuai—siap;
- (iv) p e m b e n t a n g a n geotekstil—siap seluas 19,500 meter persegi;
- (v) penambakan pasir bagi bahagian jalan masuk—siap;
- (vi) penambakan tanah dan ujian tanah—siap;
- (vii) penambakan pasir bagi kawasan tebusguna dijangka akan siap pada hujung Oktober; dan

(viii) kerja-kerja menanam cerucuk besi—telah dimulakan—12 cerucuk telah ditanam.

Pihak kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja marin, tebusguna tanah dan jalan masuk. Fasa I dijangka siap pada Disember 1991.

1.2 Kerja-kerja Daratan (Fasa II)

Surat pemberitahu penerimaan tawaran baru dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya. Kerja-kerja daratan akan dimulakan apabila tapak bina dimiliki pada 21hb Oktober, 1991. Fasa II dijangka siap pada September 1992.

1.3 Terminal Feri Changi, Singapura

Pemborong telah memiliki tapak pada 1hb Mac, 1991 dan kemajuan kerja sebenar pada hujung bulan September 1991 ialah 30%. Pemborong telah siap dengan kerja-kerja cerucuk untuk bangunan terminal dan sedang melaksanakan kerja-kerja kerangka bangunan. Kerja-kerja dijangka siap pada September 1992.

Keseluruhan projek dijangka siap pada bulan September 1992 dan feri dijangka dapat beroperasi pada bulan Disember 1992.

KADAR INFLASI

17. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa adanya satu 'kecenderongan inflasi' di

negara kita di hari kebelakangan ini akibat kekurangan beberapa bahan-bahan dan komoditi-komoditi, khasnya bahan-bahan pembinaan. Apakah langkah-langkah yang telah atau sedang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk mengelakkan inflasi ini.

23.10.91

10. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa negara kita mulai diserang inflasi berikutan kenaikan banyak harga barangan dan perkhidmatan. Jika sedar, apakah faktor kenaikan kadar inflasi itu dan apakah langkah-langkah diambil untuk membendungnya.

11.11.91

28. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan langkah positif sedang diambil untuk mencegah inflasi mungkin meningkat menuju hujung tahun ini dan hadapan.

15.11.91

24. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi untuk bulan Januari hingga Ogos tahun ini (1991). Adakah kenaikan kadar faedah bank sekarang merupakan salah satu usaha untuk membendung inflasi.

27.11.91

17. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kadar inflasi sebenar yang dihadapi dalam negara sekarang;
- (b) adakah kadar ini dijangka dapat dikurangkan menjelang akhir tahun ini; dan
- (c) untuk mengatasinya, apakah Dasar Kerajaan sekarang dalam pengawasan dan pengurusan perbelanjaan negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Selain dari Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, terdapat juga beberapa Ahli Yang Berhormat lain yang mengemukakan pertanyaan yang sama. Oleh itu, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kelang, Ipoh, Machang dan Pagoh yang dijadual dijawab masing-masingnya pada 23 Oktober dan 11, 15 dan 27 November, 1991 serentak dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan pada hari ini.

Saya sedar bahawa kadar inflasi telah meningkat berikutan dari pertumbuhan ekonomi yang kukuh sejak empat tahun kebelakangan. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan inflasi di negara kita disebabkan oleh beberapa faktor berpunca dari dalam dan luar negeri. Ini termasuklah pasaran buruh yang ketat disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja mahir, penggunaan kapasiti pengeluaran yang tinggi, kekurangan bekalan barang-barang tertentu dan permintaan penggunaan yang tinggi serta juga harga barang-barang import yang lebih tinggi. Mencerminkan keadaan ini, dalam tempoh 8 bulan pertama tahun ini, Angkatunjuk Harga Pengguna (AMP) telah meningkat 4.4% berbanding dengan kenaikan 2.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 1990. Kenaikan AMP dalam tempoh berkenaan disebabkan oleh peningkatan dalam semua indeks kecil AMP meliputi makanan, minuman dan tembakau, rawatan perubatan, sewa kasar serta pakaian dan kasut. Bagi keseluruhan tahun 1991, kita jangkakan kadar inflasi akan meningkat 4.5%.

Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah utama melalui dasar fiskal dan kewangan bagi membendung inflasi. Ini termasuklah:

- (a) Bagi menghadkan pertumbuhan bekalan wang dalam ekonomi, iaitu salah satu punca kepada tekanan inflasi, Bank Negara Malaysia telah mengambil

beberapa langkah untuk mengurangkan mudah tunai di pasaran kewangan. Ini termasuk menaikkan nisbah rezab berkanun (statutory reserve ratio) bank-bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank-bank saudagar, sebanyak 1% kepada 7.5%. Dengan langkah ini,edaran wang dalam pasaran akan berkurangan dan ini boleh meredakan agregat permintaan.

(b) Bank Negara Malaysia juga telah membebaskan kawalan pentadbirannya ke atas kadar faedah pinjaman asas (base lending rate) dan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras kadar faedah dalam negeri yang sesuai. Peningkatan kadar pinjaman akan mengurangkan permintaan pinjaman dan seterusnya penggunaan ini boleh meredakan tekanan ke atas inflasi.

(c) Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menetapkan syarat-syarat pinjaman sewa-beli yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk pembelian kenderaan bermotor. Ini juga bertujuan bagi mengurangkan kredit penggunaan oleh pengguna-pengguna.

Dari segi perkembangan fiskal, Kerajaan terus mengamalkan dasar berjimat cermat dan mengawal perbelanjaan yang rapi dalam pengurusan kewangannya. Keutamaan perbelanjaan pelaburan hanya diberi kepada perbelanjaan yang produktif sahaja. Ini bertujuan supaya sektor awam tidak menjadi pendorong kepada pertumbuhan perbelanjaan dalam ekonomi.

Selain daripada langkah fiskal dan kewangan, Kerajaan juga terus mengawal harga barang-barang keperluan serta mengawasi dengan teliti perbekalan barangan di pasaran. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat

sedia maklum, bagi mengatasi masalah kekurangan perbekalan simen untuk kegunaan industri pembinaan, Kerajaan baru-baru ini telah membenarkan simen diimport dari luar negeri dan pada masa yang sama menghapuskan sama sekali duti import yang dikenakan ke atas bahan ini. Di samping itu, dasar untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri dan pembangunan industri kecil dan sederhana untuk menggalakkan kos pengeluaran yang rendah telah juga dilaksanakan.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa sungguhpun kadar inflasi negara kian meningkat tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara lain, inflasi di negara kita adalah di antara yang paling rendah di dunia.

Selain daripada itu, saya ingin tekankan di sini bahawa walaupun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah wajar untuk membendung inflasi, langkah-langkah berkenaan tidak akan memberi kesan sepenuhnya jika rakyat semua tidak memberi kerjasama untuk turut serta memerangi inflasi. Penglibatan rakyat boleh dibuat dengan cara mengubah corak hidup harian mereka. Mereka seharusnya membelanjakan sumber kewangan mereka ke atas barang-barang yang perlu sahaja dan pendapatan selebihnya seharusnya digunakan untuk tabungan iaitu satu perbelanjaan yang produktif.

Sara hidup rakyat hendaklah sejajar dengan pendapatan mereka dan janganlah pinjam wang untuk membeli barang-barang mewah yang tidak dapat dibeli dengan pendapatan bulanan mereka.

Dalam konteks ini, Persatuan Pengguna hendaklah memainkan peranan yang penting untuk memberitahu pengguna-pengguna mengenai peningkatan kadar inflasi dan bagaimana rakyat dapat menolong membendungnya.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM WAWASAN 2020

18. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci di manakah letaknya Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam gagasan Wawasan 2020 dan pelaksanaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam gagasan Wawasan 2020 adalah amat jelas iaitu antara lain penekanan melalui perubahan sikap dan tindakan masyarakat kita kepada yang lebih positif. Perubahan dan peningkatan ini adalah selaras dengan tuntutan Islam.

Sebagai contoh dalam mewujudkan negara bersatu, yang bermoral dan beretika, bertolak ansur, penyayang, memastikan masyarakat yang adil dalam ekonomi dan mewujudkan masyarakat makmur adalah menepati tuntutan dan nilai-nilai Islam yang mulia.

Di antara pelaksanaan dan rancangannya ialah sepertimana berikut:

- (a) dengan mempergiatkan pendidikan di kalangan masyarakat melalui seminar, bengkel, ceramah dan kursus, terutamanya kepada para pegawai dan pentadbir dengan mengikut pendekatan bidang pekerjaan masing-masing. Semoga dengan perkembangan ini masyarakat lebih maju dan berjiwa positif dalam menghadapi hidup ini;
- (b) dengan mempergiatkan sebaran dan penerangan melalui penerbitan untuk menjelas dan mendidik masyarakat supaya mengamalkan nilai-nilai Islam agar lebih bermaruah dan positif; dan
- (c) dengan peningkatan dan memaksimumkan penggunaan agensi dan institusi Islam di negara ini seperti masjid dan

surau supaya ianya berfungsi dan berwibawa sepenuhnya sebagai pusat pembangunan ummah.

LALULINTAS JALAN CHERAS— KOS PEMBINAAN

19. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kos bagi kerja-kerja pembaikan lalulintas di Jalan Cheras;
- (b) bilakah persetujuan konsesi dengan Metramac boleh diperolehi oleh orang awam; dan
- (c) syarikat manakah yang dikontrakkan untuk menjalani pungutan suara tentang pengenaan tol di Jalan Cheras. Dalam bentuk apakah pungutan suara itu dijalankan; berapa luaskan liputan pungutan suara berkenaan dengan isu ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi kerja-kerja pembinaan lalulintas di Jalan Cheras adalah dalam lingkungan \$58 juta. Bagaimanapun, lalulintas Jalan Cheras merupakan sebahagian daripada pakej bagi kerja-kerja di bawah projek penswastaaan jalan dan persimpangan bertingkat di Wilayah Persekutuan yang telah diperluaskan skopnya pada masa ini, yang mana melibatkan kos keseluruhannya berjumlah lebih kurang \$823 juta.
- (b) Mengenai perjanjian konsesi di antara Kerajaan dengan Metramac, suka saya maklumkan bahawa butir-butir penting berkenaan perjanjian konsesi tersebut telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya semasa sidang akhbar pada 13hb Ogos, 1991.

- (c) Syarikat yang dilantik untuk membuat kajian mengenai tol di Jalan Cheras adalah Frank Small & Associates Profesional International Marketing Research Co. Kajian yang dibuat adalah mengikut prinsip-prinsip yang diamalkan dan diterima dalam mengendalikan kajian. Kelompok-kelompok yang boleh mewakili berpendapat penduduk-penduduk di kawasan berkenaan dikenalpasti dan pendapat mereka diperolehi secara memberikan jawapan kepada soalan-soalan yang membenarkan kelompok yang terlibat memberikan pendapat mereka. Hasil kajian berkenaan menunjukkan bahawa umumnya penduduk di kawasan Cheras tidak membantah tindakan Kerajaan mengenakan tol akan tetapi meminta supaya kadar tol yang dikenakan hendaklah berpatutan yang mana pada masa ini telahpun dipenuhi oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, penduduk di kawasan berkenaan juga meminta supaya jalan alternatif disediakan bagi pengguna yang tidak mahu membayar tol dan juga menyediakan pas bermusim kepada pengguna yang kerap berulang-alik pada masa ini. Kesemua permintaan tersebut telahpun dilaksanakan.

KASUT KULIT HITAM KEPADA PEMANDU

20. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar bahawa telah lebih 2,000 orang para pemandu di Kementerian Kesihatan masih belum diberikan kasut kulit berwarna hitam dan bertali seperti dikehendaki di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/1990 mengenai peraturan baru perbekalan pakaian seragam. Jika ya, apakah sebabnya dan bilakah masalah ini akan dapat diatasi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Walaupun Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/1990 adalah tidak terpakai bagi kakitangan Perkhidmatan Perubatan, tetapi Kementerian ini sedang dalam usaha untuk memanjangkan kemudahan-kemudahan yang sedang dinikmati oleh perkhidmatan-perkhidmatan lain kepada kakitangan perkhidmatan perubatan (termasuk jawatan pemandu). Kementerian berharap perkara ini dapat dilaksanakan pada awal tahun hadapan (1992).

MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS

21. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kemajuan yang dicapai sehingga ini untuk memperbaiki taraf bahasa Inggeris yang kian merosot di negara ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari dan peka terhadap keperluan meningkatkan taraf prestasi matapelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Oleh kerana itu dalam program KBSR dan KBSM, langkah-langkah yang lebih sesuai untuk memperbaiki taraf pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah.

Untuk memperkukuhkan taraf prestasi bahasa Inggeris di peringkat rendah, sukatan pelajaran telah disemak semula dan diperincikan lagi dengan lebih jelas supaya guru dapat memahaminya dengan tepat dan menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan. Di samping itu, beberapa langkah lain sedang diambil seperti menyediakan senarai 'paras minimum', iaitu tahap minimum yang perlu dicapai dalam setiap kemahiran berbahasa seperti mendengar dan bertutur.

Di peringkat menengah pula, sukatan pelajaran KBSM sudah dilaksanakan hingga ke Tingkatan IV pada tahun 1991.

Sukatan pelajaran tersebut telah digubal dan dilaksanakan berasaskan kepada kemahiran-kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, satu daripada lima waktu matapelajaran bahasa Inggeris dalam seminggu adalah diperuntukkan bagi pembacaan buku-buku sastera dalam bahasa Inggeris.

Untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris melalui program KBSR dan KBSM, guru-guru diberi kursus tentang sukatan pelajaran dan teknik pengajaran serta dibekalkan dengan bahan-bahan pengajaran seperti pukat latihan dan buku panduan guru.

Satu langkah yang diambil baru-baru ini ialah penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program-program bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I. Tugas utamanya ialah untuk merancang tindakan-tindakan susulan bagi membantu guru dan pelajar dalam pengajaran-pembelajaran bahasa Inggeris.

SISA TOKSID

22. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) definisi dan jenis bagi sisa-sisa toksid, bukan toksid dan radioaktif yang telah dikenalpastikan oleh Kementeriannya;
- (b) sebutkan dengan lebih jelas terhadap sisa-sisa tersebut yang akan mendatangkan kesan buruk ke atas alam sekitar negara ini; dan
- (c) tapak-tapak yang sesuai telah dikenalpasti untuk dijadikan kawasan pelupusan dan kawasan buangan sisasisa tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):

- (a) Untuk mekluman Yang Berhormat, sisa-sisa toksid didefinisikan di bawah Jadual Pertama Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Terdapat 107 kategori buangan terjadual yang disenaraikan. Definisi bagi sisa-sisa radioaktif adalah sepertimana yang terdapat di dalam seksyen 2 Bahagian I Akta Pelesenan Tenaga Atom. Manakala sisa-sisa bukan toksid pula tidak dijadualkan di bawah Peraturan-peraturan yang berkenaan.
- (b) Sisa-sisa toksid atau buangan terjadual ini akan mendatangkan kesan buruk ke atas alam sekitar sekiranya buangan ini tidak dikendalikan dengan kaedah pelupusan yang selamat dan terbukti.
- (c) Pada masa ini, sebuah tapak di Negeri Sembilan sedang dikaji dengan terperinci bagi menentukan kesesuaiannya sebagai tapak pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

CHINESE CULTURE CITY

23. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sudahkah Kerajaan buat keputusan terhadap rancangan MCA untuk membina sebuah 'Chinese Culture City'. Jika ya, apakah keputusannya;
- (b) jika belum, berapa kali rancangan tersebut telah dibincangkan dan siapakah bertanggungjawab untuk membincang; dan
- (c) bilakah rancangan ini dijangka dapat keputusan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Pendirian Kerajaan Pusat mengenai rancangan MCA untuk membina sebuah Bandar Kebudayaan Cina (Chinese Culture City) telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana parti tersebut telah diminta untuk mengkaji semula projek berkenaan demi kepentingan negara. Perkara ini hendaklah diselesaikan melalui semangat perpaduan dan perbincangan dengan parti-parti politik dalam Barisan Nasional. Cara demikian akan mengelakkan kesan-kesan negatif dari segi perpaduan negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan tuntutan-tuntutan kaum lain di Malaysia.

LESEN KELUI (PAGER) YANG DILULUSKAN

24. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa buah syarikat atau orang-orang perseorangan yang telah diberi lesen kelui (pager) oleh Kementerian;
- (b) berapakah jumlah lesen yang diluluskan kepada bumiputera; dan
- (c) berapa buah syarikat yang terlibat dengan penjualan lesen tersebut. Namakan syarikat-syarikat terlibat. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berhubung dengan syarikat tersebut.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini terdapat 33 buah syarikat yang telah diberikan lesen kelui (pager).
- (b) 33 buah syarikat adalah kesemuanya bertaraf bumiputera.

(c) Mengikut bukti-bukti yang didapati berikut disenaraikan syarikat-syarikat yang telah mempunyai ekuiti pelabur asing dalam syarikat mereka:

1. Serting Com. Sdn. Bhd.
2. Media Page Sdn. Bhd.
3. Maspitis Sdn. Bhd.
4. Telesistem Sdn. Bhd.
5. C.T. Paging Sdn. Bhd.
6. Phena Sdn. Bhd.
7. Titian Sebaran Sdn. Bhd.
8. Yamada Paging Sdn. Bhd.
9. Nahapas Radio Paging Sdn. Bhd.

PENYAKIT AIDS—PENCEGAHAN

25. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah positif yang sedang dan akan dijalankan untuk mencegah merebaknya AIDS di negara ini. Siapakah kumpulan sasaran yang paling utama bagi langkah-langkah pencegahan tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut yang asal oleh Ahli Yang Berhormat sendiri pada 21hb Oktober, 1991.

PERLETAKAN JAWATAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEMPATAN

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan perletakan jawatan kakitangan akademik setiap daripada enam universiti tempatan dalam tempoh 12 bulan yang lalu dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi professor-professor madya dan pensyarah.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya lebih kurang 2% daripada kakitangan akademik telah meletakkan jawatan dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Ini adalah peratusan yang normal berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

PENYAKIT AIDS—KEDUDUKAN

27. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan wabak penyakit AIDS di negara kita berbanding dengan negara-negara lain, dari segi jumlah pesakit, pembawa penyakit dan langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk menyekat penyakit ini dari menular.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

PENYAKIT AIDS—PUSAT PENGURUSAN

28. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina pusat-pusat pengubatan khas untuk penyakit AIDS dan pembawa virus HIV. Jika tidak, mengapa. Jika ya, nyatakan tempat-tempat di mana pusat-pusat itu akan dibina.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG EKSTRADISI

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta yang berhubungan dengan ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN TANAH

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RELIF SPESIFIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (21hb Oktober, 1991)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Perbahasan ini belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah kelmarin ada

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sudah habis perbahasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, pada semalam sudah habis perbahasan, dan hari ini untuk saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulung Yang Berhormat, sila teruskan. *(Disampuk)* Nanti sekejap. Mengikut rekod ataupun Hansard, Yang Berhormat dari Tanjong yang berucap semalam, belum habis lagi. Dia belum habis lagi. Ya, Yang Berhormat dari Tanjong

kelmarin sedang sambung. Dia tidak mahu sambung? Oleh yang demikian, Yang Berhormat dari Jelutong boleh berucap.

3.43 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih, Tuan Speaker. Rang Undang-undang ini adalah diakibatkan oleh satu keputusan Mahkamah Agung dalam kes Poh Swee Siang yang ada diputuskan pada 27hb April, 1987. Saya mengalu-alukan, Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini, tetapi sesuatu haruslah disebut mengenai masalah setinggan. Peruntukan dalam Fasal 2, Seksyen 7 baru dalam Rang Undang-undang ini ialah mengenai mendapatkan kembali harta takalih spesifik. Dan apa yang ada dalam Seksyen 7 (2) adalah mengenai satu tenancy bagi immovable property dan tidak ada apa-apa, Tuan Speaker, mengenai masalah setinggan. Saya rujuk kepada apa yang ada diputuskan dalam satu kes iaitu dalam kes Sidek bin Haji Muhammad dan 461 orang yang lain lwn Kerajaan Perak, yang dilaporkan dalam Majalah 1MLJ/1982, mukasurat 313. Dalam kes itu, telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pada masa itu dan alasan-alasan kehakiman dalam kes itu telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pada masa itu menjadi Hakim Besar Malaya.

Apa yang ada dipercakapkan oleh Hakim pada masa itu ada terdapat dalam mukasurat 314. Dengan izin, Tuan Speaker, saya baca apa yang ada dalam penghakiman dalam bahasa Inggeris itu sepertimana dilaporkan dalam majalah ini:

(Dengan izin)

"It is well established that the court of equity will never assist squatters to resist an order of possession illegally acquired; it will never intervene in aid of wrong-doers. We would like to say

this at once about squatters. The owner is not obliged to go to the court to obtain an order of possession. He is entitled, if he so wishes, to take the remedy into his own hands. He can go in himself and turn them out without the aid of the court of law. He can even use force, so long as he uses no more force than is reasonably necessary. He will not then be liable either criminally or civilly. This, however, is not to be encouraged because of the disturbance which might follow but the legality of it is beyond question."

Selepas itu, Tuan Speaker, pindaan telah dibuat ke Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi pada tahun 1984 dan di bawah Aturan 89 ada diperuntukkan bagi prosiding terus untuk mendapatkan pemilikan tanah dalam keadaan di mana tanah itu telah diduduki tanpa izin atau persetujuan dan dalam mana tuntutan untuk pemilikan itu berbangkit. Di sini ada peruntukan bagi setinggan-setinggan, sepertimana yang ada dalam Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang. Tetapi prosedur itu tidak ada diikuti oleh Kerajaan. Baru-baru ini ada berlaku satu kes, Tuan Speaker. Pada hari Khamis lalu dalam Kampung Sentosa, lebih kurang 60 kakitangan dari City Hall datang. Pada masa itu Polis pun ada di sana dan harta setinggan-setinggan telah diruntuh dan seorang Professor, Prof. Mohd. Nasir bin Hashim dari Universiti Kebangsaan telah diberkas dan ditangkap. Saya mahu dapat tahu, Tuan Speaker, adakah peruntukan dalam Aturan 89, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 diikuti dalam kes Kampung Sentosa ini. Tuan Speaker, pada tahun dahulu di Seberang Perai pun ada satu masalah apabila kakitangan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai telah ambil tindakan yang sama dan tidak mengikuti peruntukan dalam Aturan 89, di mana seorang wakil Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi kawasan Bagan, jikalau saya tidak silap, Piew Boon

Kok, telahpun dihantam oleh seorang kakitangan dari Majlis Perbandaran itu yang tidak mengikuti peraturan yang ada dalam Aturan 89. Saya mahu dapat tahu dari Timbalan Menteri di sebelah sana, adakah dalam kedua-dua kes ini, walaupun orang yang terlibat di sana adalah setinggan, adakah peruntukan dalam Aturan 89 ada diikuti?

Tuan Speaker, lagi satu masalah yang penting adalah mengenai movable property, dengan izin. Apa yang ada dalam Rang Undang-undang di hadapan kita adalah mengenai immovable property. Bagi movable property, Tuan Speaker, saya beri satu contoh. Di bawah Seksyen 16 Hire-Purchase Act, 1969, apa yang harus dibuat adalah untuk memberi satu notis. Jikalau notis diberi mengikut peruntukan Seksyen 16(1), itu mencukupi untuk repossession. Tidak ada apa-apa peruntukan dalam Rang Undang-undang yang ada sekarang ini untuk mendapat satu perintah dari mahkamah.

Dan ada banyak masalah apabila tindakan diambil oleh syarikat-syarikat swasta di bawah Seksyen 16. Di Bukit Mertajam, Tuan Speaker, pada tahun lepas telah berlaku satu pembunuhan. Apabila orang-orang dari satu syarikat pergi ke tempat lain untuk re-possess sesuatu di bawah Hire Purchase Act ini, telah berlaku pembunuhan ini. Oleh itu, Tuan Speaker, saya mahu mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan mengambil apa-apa langkah dalam dua perkara ini: satu mengenai setinggan di bawah Aturan 89 dan juga satu lagi mengenai keadaan bukan "immovable property" tetapi "movable property" seperti kenderaan dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

3.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih

dahulu saya suka mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Johor Bahru, Larut, Kuala Kedah, Santubong, Alor Setar dan Jelutong, kecuali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang bercakap tetapi tidak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Relif Spesifik 1950 bertujuan pada amnya untuk mewajibkan pertikaian di antara tuan tanah dan penyewa berkenaan dengan penamatan penyewaan dan penguatkuasaan hak tuan tanah atau rumah itu diselesaikan melalui prosiding di mahkamah. Jadi tidak perlu menggunakan remedy yang diberikan di bawah Common Law iaitu menggunakan kekerasan yang munasabah oleh kerana takrifan "munasabah" itu sendiri banyak mempunyai kekaburan dan boleh membangkitkan keadaan tidak tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah memberi pandangan mengenai penubuhan satu Jawatankuasa bagi mengkaji semua remedi Common Law di negara kita. Kerajaan akan mengambil perhatian di atas cadangan tersebut.

Mengenai penakrifan tafsiran "sewa", "penyewa" yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, sama ada penyewa termasuk isteri dan anak-anak penyewa, peruntukan yang dicadangkan ini meliputi seseorang penghuni iaitu mana-mana orang yang secara sahnyanya menduduki tanah atau harta takalih itu semasa penyewaan itu. Oleh itu ia termasuklah juga isteri, suami dan anak-anak penyewa itu kerana mereka berada secara sahnyanya pada masa penyewaannya itu. Sewaan yang dimaksudkan oleh peruntukan ini ialah sewaan yang tidak diperuntukkan secara

khususnya di bawah undang-undang lain seperti Akta Penanaman Padi 1967 atau Akta Kawalan Sewa 1966. Apabila tidak terdapat peruntukan khusus, maka Akta Relif Spesifik mengadakan peruntukan am bagi apa-apa sewaan harta takalih selagi terdapat sesuatu perjanjian di antara tuan tanah dan orang yang menyewa itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendudukan tanah oleh penceroboh walaupun tuan tanah tidaklah diwajibkan membawa prosiding di mahkamah tuan tanah adalah digalakkan berbuat demikian dan kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi ada peruntukan prosiding ringkas iaitu sebagaimana yang disebutkan tadi, Aturan 89 bagi tuan tanah yang hendak mendapatkan kembali tanahnya dalam hal sedemikian.

Berkenaan dengan masalah setingan. Di dalam hal setingan keputusan Mahkamah Persekutuan masihlah terpakai lagi, tetapi haruslah ditekankan bahawa sebaik-baiknya prosiding patutlah dibawa ke mahkamah mengikut Aturan 89. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi memperuntukkan prosiding terus jika tuan tanah membuat pilihan untuk membawa prosiding di mahkamah. Jadi di dalam hal yang sedemikian, terpujanglah kepada pihak yang terlibat untuk membawa kesnya kepada mahkamah untuk mahkamah menetapkannya.

Yang Berhormat dari Santubong, Tuan Yang di-Pertua, telah menyebut mengenai usaha sendiri dan takrif "kekerasan munasabah" adalah terlalu luas. Pindaan ini memanglah bertujuan untuk mengatasi dan menyekat kegunaan kekerasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Alor Setar telah membawa cadangan mengenai mengkanunkan Common Law. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar,

sebenarnya undang-undang yang dikanunkan tidak lagi merupakan Common Law jika ia telah dikanunkan. Tetapi apa yang berlaku ialah prinsip-prinsip Common Law boleh dijadikan sebagai asas bagi undang-undang statut dan dipinda atau diubahsuai dari masa ke semasa mengikut keperluan masyarakat.

Soal mengenai penyewa yang dengan sengaja tidak mahu keluar, apabila tamat penyewaan telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar.

Di bawah Common Law yang lama, tuan tanah bolehlah menggunakan usaha sendiri dan sekiranya perlu dengan kekerasan yang dikatakan munasabah, tetapi masyarakat yang bertamadun mengadakan remedy melalui prosiding mahkamah, dan tuan tanah perlulah bersabar. Dalam hal sedemikian tuan tanah bolehlah, sebagai tambahan kepada permohonan untuk perintah keluar, memohon gantirugi daripada penyewa itu di bawah Seksyen 28, subseksyen (4) (e), Akta Undang-undang Sivil 1956, yang memperuntukkan bahawa sebanyak dua kali ganda jumlah sewa boleh dituntut. Oleh yang demikian, semakin lama penyewa itu enggan keluar, semakin besarlah gantirugi yang boleh dituntut oleh tuan punya tanah. Oleh itu penyewa tidaklah patut dengan sengaja dan tanpa alasan yang boleh diterima terus menduduki atau memaksa penyewa yang tidak keluar untuk keluar.

Tuan Yang di-Pertua, prosiding tidaklah perlu dibawa di mahkamah jika tuan tanah dan penyewa dapat menyelesaikan pertikaian mereka di luar mahkamah. Pertikaian mungkin timbul, misalnya jika terdapat persoalan mengenai kesahihan notis keluar atau syarat-syarat penamatan sewaan atau jangka masa sewaan itu, jika tuan tanah dan penyewa tidak dapat menyelesaikan pertikaian itu, maka ia patutlah dibawa ke mahkamah untuk mengelakkan berlakunya penggunaan kekerasan di dalam perkara-perkara yang tidak diingini.

Perkara-perkara yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong berkenaan harta takalih dan perkara-perkara yang lain, saya akan mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengantidakadapindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar sosial kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat prihatin bagi rakyat Malaysia dan dalam usaha meningkatkan lagi perlindungan dan faedah

keselamatan sosial bagi pekerja-pekerja yang menjadi tulang belakang ekonomi di negara kita, Kementerian Sumber Manusia telah dengan jayanya memperbaiki lagi skim keselamatan sosial yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Kebaikan Skim Keselamatan Sosial secara berperingkat dari masa ke semasa merupakan salah satu amalan berterusan yang sentiasa diikuti oleh Kementerian Sumber Manusia memandangkan sifat dinamis Skim Keselamatan Sosial dan ianya bertujuan untuk menentukan pencapaian operasi Skim Keselamatan Sosial yang lancar dan optima serta memenuhi keperluan semasa pekerja-pekerja dan keluarga mereka bagi keselamatan sosial yang lebih baik dan sempurna disebabkan perubahan keadaan sosio-ekonomi dan harapan serta aspirasi mereka yang kian meningkat.

Dalam konteks Malaysia yang sedang bertindak bersungguh-sungguh untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara yang penuh maju sejajar dengan Wawasan 2020, Skim Keselamatan Sosial memainkan peranan penting dalam membantu Kerajaan dan rakyat Malaysia mencapai matlamat negara itu kearah dan berpandu kepada Wawasan 2020 itu, Kementerian Sumber Manusia bersedia dan sentiasa peka kepada keperluan dan permintaan pekerja-pekerja bagi memperuntukkan perlindungan keselamatan sosial yang baik, sesuai dan maju selaras dengan perubahan yang kian meningkat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 kali ini adalah berhasil dari pandangan luas, balasan sensitif dan pendekatan pra-aktif terhadap keperluan semasa pekerja, majikan dan Kerajaan demi mencapai matlamat Wawasan 2020, satu negara yang penuh maju yang terkandung dengan masyarakat prihatin.

Dalam hubungan ini perluasan liputan keselamatan sosial kepada perusahaan yang menggaji kurang dari 5 orang pekerja yang merupakan batasan sekarang dan kepada pekerja yang bergaji lebih dari \$1,000 serta perluasan skop perlindungan bagi kemalangan pergi dan balik kerja yang mana merupakan pindaan-pindaan utama kali ini adalah memang wajar dan kena pada masanya.

Sebelum ini, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang memperuntukkan Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat bagi melindungi pekerja-pekerja berinsurans dan tanggungan-tanggungan mereka terhadap kejadian bencana kerja dan kejadian keilatan termasuk kematian akibat dari sebarang sebab telah dipinda sebanyak empat kali pada tahun 1979, 1980, 1984 dan 1987 yang mana kesemuanya bertujuan untuk memperbaiki, mengubahsuai-kan dan memperluaskan kedua-dua Skim Keselamatan Sosial itu demi kepentingan pelanggan-pelanggan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang mentadbir dan melaksanakan Akta tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan yang terakhir sekali dalam tahun 1987 iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 telahpun dikuatkuasakan. Akta Pindaan 1987 itu melibatkan perkara-perkara utama seperti berikut:

- (1) Pemakaian Akta itu telah diperluaskan kepada perusahaan-perusahaan yang menggaji sekurang-kurangnya 5 orang pekerja tanpa mengira gaji mereka dan pekerja-pekerja telah diberi perlindungan secara automatik.
- (2) Kadar harian faedah hilang upaya sementara telah dinaikkan dari 70% kepada 80% gaji harian purata anggan,

manakala bagi faedah hilang upaya langsung yang kekal pula dinaikkan dari 70% kepada 90% gaji harian purata anggapan.

- (3) Bagi kes-kes di mana setakat hilang upaya kekal melebihi 20% gantian sebanyak 1/5 daripada kadar harian bayaran berkala menjadi bayaran pukal adalah dibenarkan.
- (4) Elaun layanan sentiasa yang dibayar kepada seorang berinsurans menerima faedah hilang upaya langsung yang kekal atau pencen ilat jika dan selagi dia tidak berdaya atau tidak berupaya sehingga sentiasa memerlukan layanan tersendiri oleh seorang lain telah dinaikkan dari 30% kepada 40% kadar faedah hilang upaya langsung yang kekal atau pencen ilat.
- (5) Kadar harian penuh faedah orang tanggungan telah dinaikkan dari 70% kepada 90% kadar faedah harian hilang upaya langsung yang kekal manakala tempoh bayaran faedah orang tanggungan bagi anak atau adik-beradik telah dipanjangkan sehingga mencapai umur 21 tahun. Anak tiri tanggungan dan anak yang diambil menjadi anak angkat oleh orang berinsurans mengikut apa adat atau kelaziman telah diterima sebagai orang tanggungan.
- (6) Syarat kebergantungan bagi duda dan ibu bapa telah dilonggarkan dari bergantung sepenuhnya kepada pendapatan orang berinsurans yang mati kepada bergantung sebahagian besarnya.
- (7) Pencen minimum bagi pencen ilat dan pencen minimum penuh bagi pencen penakat teiah

ditetapkan sebanyak 50% gaji bulanan purata orang berinsurans.

- (8) Jadual penyakit khidmat juga telah ditambah untuk meliputi penyakit-penyakit baru yang terbit daripada penggunaan teknologi baru.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan program perindustrian Kerajaan yang begitu pesat, keperluan memberi perlindungan keselamatan sosial yang lebih luas kepada pekerja telah menjadi lebih ketara. Dalam hubungan ini Kementerian Sumber Manusia sentiasa menilai skim-skim PERKESO dengan tujuan untuk memperbaikinya lagi dan memperluaskan liputannya supaya faedah-faedahnya dapat dinikmati oleh sebahagian besar kaum pekerja di negara kita.

Kementerian Sumber Manusia juga sedar bahawa pihak pekerja telah melahirkan beberapa pandangan dan cadangan terhadap perjalanan skim-skim PERKESO itu dan dalam hubungan ini saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua pandangan dan cadangan itu. Sudah tentulah tidak semua cadangan itu dapat dilaksanakan dengan serta-merta ataupun dapat diterima sepenuhnya oleh Kementerian Sumber Manusia. Ini ialah kerana Kementerian Sumber Manusia terpaksa menimbangkan terlebih dahulu bukan sahaja kepentingan kaum pekerja tetapi juga kepentingan pihak lain yang terlibat sama dan akhirnya kepentingan negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan antara lain untuk memperluaskan skop liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan memperbaiki lagi struktur faedah dan pelaksanaan skim-skim PERKESO.

Rang Undang-undang ini mencerminkan komitmen dan usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan lagi keselamatan sosial pekerja-pekerja negara kita.

Sekarang izinkan saya menjelaskan beberapa aspek penting Rang Undang-undang ini:

- (1) Pada masa ini Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hanya terpakai kepada semua perusahaan yang menggaji lima orang pekerja atau lebih tanpa mengambil kira gaji mereka dan perusahaan-perusahaan yang mengurangkan orang yang digajikan kurang daripada 5 selepas layak diliputi. Untuk membolehkan lebih ramai lagi pekerja mendapat perlindungan keselamatan sosial adalah dicadangkan Akta itu dipinda supaya pemakaiannya dapat diperluaskan untuk meliputi semua perusahaan yang menggaji seorang pekerja atau lebih. Dengan pindaan itu pekerja-pekerja yang telah menyertai skim-skim PERKESO akan juga mendapat perlindungan yang berterusan memandangkan semua perusahaan akan diliputi oleh Akta itu.

Pada masa ini terdapat keadaan di mana seorang pekerja yang telah dilindungi di bawah skim-skim PERKESO kemudiannya kehilangan perlindungan kerana bertukar pekerjaan dari perusahaan yang diliputi oleh Akta itu kepada perusahaan yang tidak diliputi oleh Akta itu.

- (2) Liputan pekerja pada masa ini terhad kepada pekerja-pekerja yang bergaji \$1,000 atau kurang sebulan dan pekerja-pekerja yang bergaji lebih \$1,000 sebulan selepas layak diliputi di bawah Akta itu.

Bagi tujuan memberi perlindungan keselamatan sosial kepada lebih ramai pekerja, adalah dicadangkan supaya had gaji sebanyak \$1,000 itu dinaikkan kepada \$2,000 tertakluk kepada syarat bahawa bagi mereka yang telah mula menyertai skim-skim PERKESO hendaklah terus diberi perlindungan walaupun gaji mereka kemudiannya melebihi \$2,000 sebulan. Adalah dicadangkan juga supaya pekerja-pekerja yang bergaji lebih daripada \$2,000 sebulan dan belum pernah layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 diberi perlindungan di bawah Akta itu secara pilihan dan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja dan juga kepada syarat bahawa jika pekerja sedemikian telah mula diliputi oleh Akta itu, dia akan terus diliputi oleh Akta itu.

Di samping itu, adalah dicadangkan supaya semua pekerja yang diambil bekerja dalam kegiatan menangkap ikan di laut atau diambil bekerja bagi maksud menanam, memelihara dan menuai padi dan semua orang asli yang berpindah dari setempat ke setempat yang diambil bekerja dalam perusahaan yang layak diliputi juga diberi perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

- (3) Setiap pekerja pergi dan balik bekerja sama ada menggunakan kenderaan mereka sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh majikan mereka atau berjalan kaki, mereka ini memang terdedah kepada risiko atau bahaya jalan raya semasa

perjalanan itu. Dalam hubungan ini, perlindungan terhadap kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik kerja kini terhad kepada pekerja-pekerja yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh majikan sahaja. Sebagai langkah memberi layanan yang sama kepada semua pekerja, adalah dicadangkan supaya skop bencana kerja itu diperluaskan untuk meliputi kemalangan semasa perjalanan mengikut laluan dari rumah ke tempat kerja dan balik dan dari tempat kerja ke tempat makan dan balik ke tempat kerja tanpa mengira cara perjalanan itu dibuat.

- (4) Untuk menyenangkan lagi pekerja-pekerja mendapatkan faedah-faedah di bawah Skim Pencen Ilat, adalah dicadangkan supaya caruman minimum bagi tiap-tiap tempoh kelayakan dikurangkan sebanyak 1/3 iaitu daripada 36 bulan kepada 24 bulan. Selaras dengan dasar ini, tempoh yang diambil kira bagi kelayakan penuh akan juga dikurangkan daripada 60 bulan kepada 40 bulan berturut-turut sebelum bulan notis ilat diterima oleh PERKESO bagi pencen ilat, atau sebelum bulan kematian orang berinsurans bagi pencen penakat dan faedah pengurusan mayat.
- (5) Buat masa ini, pencen ilat dibayar mulai bulan selepas sahaja bulan orang berinsurans itu memberi notis mengenai keilatannya dan terhenti pada akhir bulan yang mendahului bulan bila keilatan itu pulih atau mati. Adalah dicadangkan supaya cara pembayaran sedemikian diperbaiki iaitu pencen ilat itu mula dibayar

pada hari notis ilat orang berinsurans itu diterima oleh PERKESO dan berakhir pada hari selepas sahaja hari orang berinsurans itu pulih atau mati. Cara sedemikian adalah lebih adil dan selaras dengan amalan bagi bayaran faedah hilang upaya kekal yang mana kiraannya adalah berasaskan kiraan harian.

- (6) Melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987, kadar pencen pokok bulanan untuk pencen penakat telah dinaikkan dari 40% kepada 50% gaji bulanan purata untuk tempoh kelayakan penuh. Manakala bagi tempoh kelayakan yang dikurangkan, kadar bulannya telah ditetapkan sebanyak lima puluh peratus gaji bulanan purata. Bagaimanapun, bagi orang berpencen ilat yang meninggal dunia sebelum 1hb Februari, 1986, kadar ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan telah berlaku satu kesilapan yang tidak disengajakan semasa pindaan dibuat kepada Akta dalam tahun 1987. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya semua kes orang berpencen ilat yang meninggal dunia sebelum tarikh 1hb Februari, 1986 itu juga diselaraskan mengikut kadar yang dinaikkan itu.
- (7) Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 telah dipinda dalam 1987 tahun untuk membolehkan semua pekerja yang layak didaftarkan menerima perlindungan secara automatik mulai 1hb Oktober, 1971, walaupun perusahaan atau pekerja itu atau kedua-duanya tidak berdaftar dengan PERKESO. Sebelum pindaan itu dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1987, banyak majikan

telah membayar caruman bagi pekerja-pekerja mereka yang belum didaftarkan. Bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan dalam kes Lian Ann Lorry Transport & Forwarding Sdn. Bhd. vs. Govindasamy, telah memutuskan bahawa caruman bagi seseorang pekerja hanya kena dibayar setelah perusahaan dan pekerja itu didaftarkan dengan PERKESO. Keputusan Mahkamah Persekutuan itu telah mewujudkan satu keadaan di mana peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bertentangan dengannya. Sebaliknya, oleh kerana perlindungan telahpun diberi oleh PERKESO secara automatik sejak 1hb Oktober, 1971 berikutan 1971 berikutan pindaan Akta yang dibuat dalam tahun 1987, maka adalah dicadangkan supaya apa-apa caruman yang telah dibayar bagitempoh mulai 1hb Oktober, 1971 hingga sebelum 1hb Julai, 1987 bagi pekerja yang belum didaftarkan itu dianggap sebagai caruman yang telah dipungut secara sah di sisi undang-undang. Pindaan ini diperlukan supaya tindakan PERKESO untuk mengambil-kira caruman sedemikian bagi tujuan penentuan kelayakan dan pengiraan faedah-faedah tidak bertentangan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan itu.

- (8) Mengenai orang tanggungan, pada masa ini untuk layak mendapat faedah orang tanggungan atau pencen penakat, ibu bapa atau nenek perempuan atau nenek lelaki orang berinsurans yang mati itu hendaklah bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada pendapatan orang berinsurans itu pada masa

kematiannya. Adalah dicadangkan supaya syarat kebergantungan ini dilonggarkan daripada sebahagian besarnya kepada sebahagiannya sebagaimana yang ditetapkan bagi orang-orang tanggungan sekunder atau secondary dependant yang lain, adik-beradik, umpamanya.

- (9) Pada masa ini, seseorang pekerja tidak dibenarkan membuat tuntutan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan pada masa yang sama membuat tuntutan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952. Memandangkan pekerja-pekerja tertentu yang sekarang ini dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja 1952 akan diberi perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, maka adalah dicadangkan supaya Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dipinda supaya pekerja-pekerja sedemikian dan tanggungan-tanggungan mereka dibenarkan membuat tuntutan dan menerima faedah di bawah kedua-dua Akta itu jika mereka layak membuat tuntutan di bawah kedua-dua Akta itu pada masa pindaan yang dicadangkan ini dikuatkuasakan. Pindaan ini khususnya akan memanfaatkan pekerja-pekerja yang masih mempunyai perlindungan insurans yang disediakan oleh majikan mereka di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952. Faedah ini akan tamat secara automatik apabila tamatnya tempoh polisi insurans berkenaan.
- (10) Di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan, jika seorang berinsurans ditimpa dua atau lebih bencana kerja

yang mengakibatkan hilang upaya kekal, kadar harian bagi semua hilang upaya kekal itu bila dicampurkan boleh melebihi 100%. Memandangkan taksiran maksimum bagi sesuatu kes hilang upaya kekal itu adalah seratus peratus, maka adalah dicadangkan supaya kadar harian maksimum bagi faedah hilang upaya kekal dalam keadaan sedemikian dihadkan kepada 100% sahaja.

Adalah dicadangkan juga supaya orang berinsuran yang mati akibat ditimpa bencana kerja atau tanggungannya dihindar daripada menuntut ganti rugi sivil daripada rakan sekerjanya. Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan dan amalan semasa di mana perlindungan yang sama diberi kepada majikan.

- (11) Pada masa ini, Jemaah Doktor hanya boleh memutuskan soal keilatan atau soal hilangupaya jika orang orang berinsurans itu hadir di hadapannya. Ada kalanya terdapat kes di mana orang berinsurans itu mati sebelum Jemaah Doktor dapat memeriksanya. Bagi membolehkan PERKESO bertindak secara adil kepada orang berinsurans dalam keadaan sedemikian, adalah dicadangkan supaya PERKESO menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan Jemaah Doktor membuat keputusan tanpa kehadiran orang berinsurans itu, di mana perlu.
- (12) Ada kalanya juga, setelah Pengerusi Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial menetapkan tarikh pendengaran, wakil majikan ataupun pekerja tidak dapat hadir pendengaran itu oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan dan ini menyebabkan pendengaran itu

terpaksa ditunda. Bagi mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan supaya Akta itu dipinda bagi membolehkan Menteri melantik wakil ganti bagi pihak majikan dan pekerja.

- (13) Kadar-kadar faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah berdasarkan kepada caruman yang mana pula berdasarkan kepada gaji. Berikutan dengan cadangan untuk menaikkan had gaji bagi tujuan liputan daripada \$1,000 sebulan kepada \$2,000 sebulan, adalah dicadangkan supaya kumpulan-kumpulan gaji bagi tujuan bayaran caruman dan hitungan faedah ditambah daripada 14 kumpulan gaji kepada 24 kumpulan gaji. Kategori caruman juga dicadangkan supaya dikurangkan daripada tiga kepada dua kategori, memandangkan seseorang itu dilindungi sama ada di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat atau Skim Insurans Bencana Pekerjaan sahaja.
- (14) Bagi tujuan untuk memberi kelonggaran dalam penggunaan dan pengurusan kumpulanwang PERKESO, adalah dicadangkan supaya kedua-dua kumpulanwang keselamatan sosial yang sedia ada digabungkan. Bagaimanapun, bagi tujuan dalaman, khususnya urusan ulangkaji aktuari serta pengawasan perbelanjaan, kumpulanwang PERKESO secara pentadbiran akan terus diselenggara dan direkodkan mengikut Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan termasuk hal-hal yang berkaitan dengan kakitangan dan penguatkuasaan yang mana ada dijelaskan dalam Huraian di

belakang Rang Undang-undang ini, dan tidak perlu bagi saya menjelaskannya lebih lanjut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan yang dicadangkan itu, terbukti bahawa Kementerian Sumber Manusia senantiasa memberi pertimbangan yang wajar ke atas keperluan-keperluan kaum pekerja dan sedapat yang boleh cuba memenuhi harapan mereka. Namun demikian, saya ingin memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Sumber Manusia akan terus mengkaji skim-skim yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan di mana dan apabila perlu akan membuat perubahan-perubahan yang sewajarnya demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka.

Saya berharap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Wong Wing On (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan Mesyuarat yang keberapa?

Tuan Wong Wing On: Peraturan Mesyuarat 14? Kejujuran dan kewibawaan Tuan masih dipersoalkan. Maka saya sekarang, sekali lagi minta Tuan mengundurkan diri sehingga Usul ini habis dibahaskan dan satu keputusan diambil oleh Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk dulu, saya akan jawab. Sebenarnya apa yang dibangkitkan itu tak kena pada

tempatny sebab sepertimana yang saya sebutkan kelmarin—sila duduk dulu, Yang Berhormat—usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kampar itu belum sampai gilirannya lagi dan saya rasa sebarang usul yang belum menjadi ketetapan sekadar sangkaan sahaja, itu terpulang kepada individu.

Tuan Wong Wing On: Apa yang saya minta ialah Tuan mengundurkan diri sehingga keputusan Dewan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diminta berhenti bercakap sebab ruling telahpun dibuat dan kita rujuk kembali kepada Rang Undang-undang ini. Sesiapa yang

Tuan Wong Wing On: Kewibawaan dan kejujuran Tuan dicabar dan dipersoalkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, Yang Berhormat. Sekarang ini kita balik kepada Rang Undang-undang yang dibahaskan

Tuan Wong Wing On: Tidak adil. Orang yang dipersoalkan kewibawaannya dan kejujurannya—tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bayan Baru.

4.26 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, kes-kes kemalangan dan bencana kerja meningkat. Dalam proses perindustrian di negara ini, kita dapati bahawa kadar kes-kes kemalangan dan bencana kerja

11505

lian bertambah. Langkah perlu diambil secara yang bersungguh-sungguh untuk mengawal dan mencegah dari berlakunya kemalangan dan bencana kerja akibat dari kecuaihan dan kelalaian pengawalan dan pencegahan ke atas keselamatan, kesihatan dan kemalangan di tempat-tempat kerja.

Sebarang skim pampasan, mahupun skim-skim yang terdapat di dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, bagi pekerja-pekerja hanya dianggap sebagai suatu perlindungan jika berlakunya kemalangan atau bencana kerja. Oleh yang demikian, Akta Keselamatan Sosial Pekerja perlu diberi penekanan yang lebih serius terhadap dua aspek yang penting berhubung dengan pengawalan dan pencegahan ke atas keselamatan dan kesihatan pekerja dan perlindungan ke atas pekerja melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Keselamatan Pekerja yang ada sekarang di dapati mempunyai berbagai kelemahan kerana kekurangan dalam penguatkuasaan untuk memastikan semua pengusaha ataupun industri-industri besar dan yang kecil mematuhi dengan sepenuhnya kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Namun demikian, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian Sumber Manusia yang kini sedang berusaha untuk memindahkan beberapa perkara yang penting dan menyediakan peruntukan-peruntukan bagi memperkuatkan lagi kedudukan perlindungan ke atas keselamatan sosial kaum pekerja. Di samping itu, masih ramai pekerja yang tidak sedar berhubung dengan hak mereka mendapatkan perlindungan melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

Pertubuhan Keselamatan Sosial juga didapati tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam memberi penekanan kepada keselamatan dan kesihatan kerja.

Menyentuh tentang pindaan-pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991, yang pertama, meluaskan sekop perlindungan sakim keselamatan sosial kepada perusahaan-perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih yang mana sekarang ini dinaikkan kepada yang mempunyai lima pekerja atau lebih. Bagaimanapun, bagaimanakah dengan mereka yang bekerja sendiri, dengan izin, self-employed dan industri-industri kecil yang mengambil pekerja-pekerja sambilan ataupun mengambil pekerja melalui kontraktor-kontraktor yang mana kita tahu selama ini mereka ini tidak diberi perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial.

Yang kedua, mengurangkan tempoh kelayakan pencen ilat daripada 36 bulan kepada 24 bulan untuk membolehkan kononnya lebih ramai orang berinsuran dilindungi di bawah Skim Pencen Ilat. Saya tidak faham apakah rasional di sebalik pindaan ini sedangkan jika ramai lagi pekerja yang menjadi pencarum kepada Skim Keselamatan Sosial ini maka kumpulan wang Skim Keselamatan Sosial ini dapat mengumpul wang yang lebih banyak dan sepatutnya tempoh bagi pencen ilat ini dipertingkatkan.

Yang ketiga, memperuntukkan secara khusus bahawa gaji bulanan purata minimum bagi pencen ilat ialah \$342.86 tertakluk kepada apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

Yang keempat, saya ingin tahu apakah kaedah yang digunakan untuk membuat pengiraan amaun pencen minimum ini. Peruntukan baru untuk melindungi apa-apa kemalangan yang dialami oleh orang-orang yang berinsuran semasa dalam perjalanan pergi dan balik adalah amat dialu-alukan. Dan kita berharap pihak Kerajaan ataupun Kementerian Sumber Manusia dapat menimbangkan bukan hanya bagi menampung ataupun meliputi pekerja-pekerja dalam perjalanan semasa pergi dan balik dari kerja malahan semasa mereka bercuti.

Yang kelima, perlindungan bagi pendapatan \$2,000 yang dinaikkan dari had \$1,000 gaji sebulan dan dinaikkan kepada \$2,000. Saya rasa sebagai pekerja sama ada seseorang itu bergaji \$1,000, \$2,000 mahupun \$5,000 di dalam golongan pengurusan kumpulan-kumpulan professional, mereka adalah juga pekerja dan terdedah kepada berbagai kemalangan dan bencana kerja dan sewajarnya bukan sahaja Kerajaan perlu meningkat daripada pendapatan \$1,000 sebulan ke \$2,000 sebulan untuk diberi liputan di bawah Skim Keselamatan Sosial ini, malahan Kerajaan harus menimbang untuk memperluaskan kepada semua golongan pekerja tidak kira berapakah pendapatan ataupun gaji bulanan seseorang itu.

Saya juga berasa bangga dengan keputusan Kerajaan untuk memasukkan di bawah Skim Keselamatan Sosial semua Orang Asli yang diambil kerja untuk menangkap ikan di perairan maritime ataupun diambil kerja di atas mana-mana vesel yang digunakan bagi maksud itu. Dan pekerja pertanian yang diambil kerja bagi maksud menanam, memelihara dan menuai padi dan ini adalah satu langkah bagi meluaskan liputan yang amat menguntungkan para pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah melihat begitu radikal sekali pihak Kementerian Sumber Manusia telah membuat pindaan-pindaan tetapi kita rasa masih ada lagi pindaan-pindaan lain yang perlu dipertimbangkan lebih-lebih lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan perakuan bahawa Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa untuk membuat apa jua bentuk pindaan bagi memberi perlindungan yang lebih wajar kepada pekerja-pekerja.

Di sini saya ingin menarik beberapa perkara yang saya rasa perlu dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan dalam pertimbangan kajian mereka di masa akan datang.

Pertama, memperkenalkan skim insuran pengangguran ataupun unemployment insurance scheme untuk tujuan melindungi orang-orang yang berinsurans apabila berlakunya pemberhentian kerja akibat dari syarikat ditutup ataupun pengurangan tenaga pekerja. Ini satu perkara yang amat ketara dan sentiasa berlaku disebabkan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat di negara ini terutamanya semasa kita menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan Skim Pencen bagi pesara untuk melindungi semasa hari tua mereka terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

Yang ketiga, pihak PERKESO perlu mengambil langkah yang segera untuk mendirikan Instituit Keselamatan dan Kesihatan Kerja bagi tujuan mendidik dan melatih semua pihak yang berkenaan termasuk pekerja-pekerja dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan kerja. Ini adalah tujuan untuk menentukan bahawa setiap pihak yang terlibat di dalam soal keselamatan sosial pekerja akan menitikberatkan dengan secara bersungguh-sungguh ke atas hal-hal yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan kerja.

Yang keempat, saya berharap Kementerian Sumber Manusia boleh mengkaji sama ada Skim Pampasan Pekerja mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952 yang saya sebutkan tadi perlukah lagi dipraktikkan setelah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 dilaksanakan. Dan seterusnya untuk memberi perlindungan yang lebih baik dan usaha untuk mensekagamkan segala faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja, bagi semua pekerja sektor swasta dan sektor awam, maka Kerajaan hendaklah mengkaji bagi mencantumkan ataupun menggabungkan kumpulanwang keselamatan sosial pekerja dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kita yakin jika

kedua-dua kumpulanwang ini dapat disatukan maka mudahlah bagi pihak Kerajaan untuk menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada semua pekerja-pekerja sama ada dari sektor awam mahupun sektor swasta. Lebih-lebih lagi kita mahu melihat supaya semua faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja diseragamkan tanpa dibiarkan golongan pekerja tertentu mendapat layanan ataupun perlindungan yang tidak saksama di antara mereka.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang begitu penting perlulah diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan, khususnya oleh Kementerian Sumber Manusia. Walaupun apa jua skim yang akan diperkenalkan, saya rasa ia tidak akan memberi makna dan membawa kesan jika sekiranya pentadbiran pengurusan PERKESO tidak diperkemaskan. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Sumber Manusia akan memberi perhatian kepada penambahan anggota ataupun kakitangan PERKESO bagi menjalankan pengurusan dan kerja-kerja penguatkuasaan secara yang lebih cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.41 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan setinggi penghargaan dan setinggi tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah berjaya membentangkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di Dewan yang mulia pada hari ini.

Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini tadi cukup bersemangat, suaranya lantang dan jelas sekali apabila kita dengar hujah yang diberi tentang pentingnya Akta Keselamatan Sosial Pekerja yang dibentangkan ini.

Sememangnya hari ini seluruh pekerja di tanahair negara kita patut bergembira, kerana saya menyifatkan Akta ini sebagai suatu hadiah hari pekerja bagi tahun ini. Kerana saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, jarang negara seperti negara kita Malaysia ini yang mengambil perhatian yang begitu berat terhadap kebajikan para pekerja. Kalau kita bandingkan dengan beberapa negara lain, saya percaya tidak banyak yang dapat kita beri bukti seperti negara kita yang memberi perhatian kepada kebajikan para pekerja dan ini sesuai lagi dengan keadaan dan perkembangan dunia semasa sekarang ini.

Negara kita sedang menuju ke arah Wawasan 2020, iaitu ke arah pelaksanaan sebuah negara maju yang diidamkan oleh semua rakyat, sebagaimana yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam proses menuju negara maju ini sudah barang tentu aspek yang paling penting ialah peranan pekerja-pekerja yang menjadi tenaga penggerak, baik dalam bidang industri ataupun lain-lain bidang yang bersangkutan. Oleh kerana peranan pekerja ini dalam berbagai aspek industri dan pekerjaan sentiasa terdedah kepada berbagai risiko, maka amat tepat Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini dibentangkan dan dijadikan undang-undang supaya bukan sahaja kepentingan pihak majikan itu diberi perhatian, tetapi kebajikan para pekerja yang menjadi tenaga sumber kepada pihak majikan dan negara ini diberi bukan sahaja pembelaan, tetapi juga apa jua pampasan, hadiah ataupun sebagainya sesuai dengan peranan dan sumbangan yang mereka lakukan selama ini.

Kita sedar di negara kita ini dari segi keselamatan dan bencana kepada pekerja-pekerja boleh dikatakan masih lagi di tahap yang tinggi. Kalau kita lihat kepada laporan-laporan, baik di dalam akhbar termasuk bencana kerja di kilang-kilang ataupun juga bencana di waktu

mereka pulang ataupun balik daripada kerja, iaitu di waktu bencana ataupun kemalangan jalan raya dan seumpamanya, terutamanya bagi pekerja-pekerja yang menggunakan kenderaan awam biasa yang kedudukan mereka bukan sahaja berhempas-pulas dengan masa untuk sampai ke kilang ataupun sebagainya, tetapi kesukaran mereka untuk sampai ke tempat tersebut mendedahkan mereka kepada banyak kemalangan dan bencana, termasuk di tempat mereka bekerja sendiri.

Kita lihat bagaimana tragedi yang berlaku di Sungai Buluh baru-baru ini. Tragedi yang meragut banyak nyawa yang berlaku di Sungai Buluh baru-baru ini satu contoh betapa bencana menimpa para pekerja dan bagaimana pekerja-pekerja yang telah menyumbangkan tenaga mereka tidak diberi pembelaan ataupun apa jua pampasan yang sesuai bila berlaku kemalangan seperti di Sungai Buluh baru-baru ini. Maka sebab itu, apabila Akta ini dikemukakan sebagaimana yang telah diuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, saya penuh percaya sekurang-kurangnya mulai daripada sekarang pekerja-pekerja mempunyai perlindungan sekurang-kurangnya untuk kebajikan keluarga di masa hari depan.

Soal teknikal, soal pelaksanaan ini ialah perkara biasa. Sudah barang tentu dalam proses yang saya kira di tahap permulaan ini Kementerian Sumber Manusia ataupun di pihak PERKESO nanti sudah barang tentu akan menghadapi berbagai masalah kerumitan, terutamanya dalam soal penguatkuasaan kepada Akta ini. Kita lihat bagaimana sukar pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk melaksanakan tugas dan peranan mereka walaupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sudah wujud bertahun-tahun lamanya kerana mereka berdepan dengan berbagai-bagai ragam majikan. Maka sudah barang tentu, saya percaya kita perlu memberi masa kepada mereka ini untuk membuktikan prestasi kerja masing-masing.

Yang pentingnya bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah niat Akta ini dikemukakan. Langkah dan usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia bagi menghargai dan melindungi para pekerja di negara kita ini supaya mereka merasa lebih selamat, supaya mereka merasai sesuai dengan apa yang dikatakan falsafah 'masyarakat penyayang' sekurang-kurangnya menampakkan betapa Kerajaan mengambil berat kepada masa depan pekerja-pekerja negara kita ini, bukan perkara-perkara yang remeh-temeh. Saya tidak hendak mengungkit lagi soal-soal perkara teknikal, kerana ianya terlalu awal dan terlalu baru.

Soal ada cadangan-cadangan daripada wakil Bayan Baru, saya kira ada juga satu dua perkara yang saya juga turut bersetuju iaitu dalam soal pengawasan dan soal kesihatan serta dari segi penguatkuasaan yang saya sebutkan tadi. Tetapi cadangan untuk menggabungkan EPF ataupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan PERKESO, saya rasa satu cadangan yang janggal dan tidak kena dan tidak sesuai dengan fungsi Akta Keselamatan Sosial Pekerja dari segi peranan PERKESO ini kerana berbeza dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak lagi hendak perkatakan di sini, cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersabit dengan Fasal 39 dalam kertas 28/91, mukasurat 33 disebut iaitu, "Fasal 39 bertujuan meminda seksyen 100 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasa Akta ini". Ini saya minta diperjelaskan dengan lebih mendalam, sebab saya ingin mengetahui kenapakah golongan perindustrian kepunyaan badan berkanun boleh dikecualikan daripada kuatkuasa Akta ini. Ini saya ingin penjelasan supaya

golongan-golongan yang terbabit ataupun pekerja dalam sektor ini memahami kenapakah kuasa ini diberi kepada Menteri untuk dikecualikan daripada kuatkuasa Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan seharusnya saya mengatakan tadi pekerja-pekerja di negara kita seharusnya bergembira hari ini di mana satu lagi tahap kemajuan dan kebajikan mereka telah diberi perhatian yang begitu berat oleh pihak Kerajaan. Saya harap Akta ini nanti dilaksanakan dengan sebaik mungkin demi faedah untuk semua pihak, terutamanya negara kita Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.50 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini ada 48 fasal, ianya amat luas. Semuanya isi Akta ini tidak lain ialah untuk memberi faedah kepada pekerja. Cuma, pada petang ini secara kebetulan pandangan yang saya hendak beri ada persamaan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, iaitu persoalan tentang kuasa Menteri yang bersangkutan-paut dengan Akta ini. Oleh kerana ada persamaan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, saya tidak perlu ulang terhadap fasal tersebut.

Selalunya sesuatu Akta itu digubal, ianya dicatat begitu baik, begitu indah, tetapi sebarang Akta dan Undang-undang selalu ianya menjadi pincang apabila ada campur tangan daripada orang-orang politik yang berkuasa terutama sekali mereka yang berkepentingan menyebabkan sesuatu Akta itu tidak dapat berjalan dengan baik. Ia berlakulah seperti Akta ISA, OSA dan sebagainya. Begitu juga Akta yang selalunya kita nampak melindungi

pekerja, kadangkalanya jikalau ada campurtangan orang-orang politik, ia bersifat menyiksa pula kepada pekerja tersebut.

Di sini, saya ingin mengemukakan bagaimana masalah pekerja yang mereka hadapi 70 tahun lebih, masalah mereka tidak dapat diselesaikan oleh pihak pemerintah dan juga pihak majikan. Campur tangan pihak pemerintah untuk menyelesaikan masalah kebajikan, perlindungan sosial dan sebagainya tidak diberi kepada mereka. Misalnya, masalah pekerja Estet Sungai Rasah, Shah Alam.

Di sini ada satu kenyataan akhbar yang saya ingin baca di mana kita lihat nasib pekerja ini kadangkalanya 'indah khabar dari rupa' di sudut Akta:

"Kami dari 22 keluarga pekerja Estet Sungai Rasah merasa amat kecewa dengan kenyataan seorang Exco Negeri Selangor, Encik T.M. Thurai selaku Pengerusi Tetap Kebajikan Pekerja Ladang dan Lombong kerana memutarbelitkan hasil perbincangan yang telah dibangkitkan semasa perjumpaan dengan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad bin Haji Muhammad Taib pada 7 Januari 1991. Kenyataan yang dibuat oleh Encik Thurai pada 31hb Januari 1991 seolah-olah mempersalahkan tindakan kami, namun begitu kami tetap menganggap tuntutan kami memang adil. Beliau seharusnya tahu masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di perladangan di mana mereka ini sentiasa ditindas dan diusir mengikut selera majikan. Akhirnya, pekerja-pekerja ini terpaksa menduduki kawasan setinggian seperti kawasan di pinggir landasan keretapi kerana mereka tidak mampu mendapatkan perumahan dan seterusnya akan diburu oleh pihak tertentu.

Kami di Estet Rungai Rasah telah menyumbangkan tenaga selama 3 keturunan, iaitu dalam 70 tahun untuk menjayakan Perladangan Sime Darby, malangnya dengan sewenang-wenangnya majikan ini telah menyingkirkan kami tanpa pampasan yang sewajarnya serta peluang untuk mendapatkan perumahan dan apa-apa kebajikan di sudut SOCSO (PERKESO) atau lain-lain lagi. Encik Thurai membanggakan kejujuran majikan Sime Darby untuk memberi pekerjaan kepada kami di ladang-ladang yang berhampiran seperti Ladang New Exdil, Ladang Boon Hin dan juga Ladang Main Estate.

Kesemua ladang-ladang ini adalah sebahagian dari-pada Estet Bukit Rajah, Shah Alam dan kesemuanya ini akan mengalami nasib yang sama seperti yang dialami oleh keluarga-keluarga kami di Estet Sungai Rasah. Maka itu pemindahan ini adalah suatu tipu helah untuk menghalau kami dari Estet Sungai Rasah. Di samping itu, sekiranya kami menurut kehendak majikan dan memandangkan juga sebahagian besar daripada kami ini sudah meningkat tua dan terpaksa bersara dalam satu atau dua tahun lagi, maka masalah perumahan, masalah kebajikan tetap tidak akan selesai dan jaminan untuk memberi pekerjaan dan perlindungan sosial kepada mereka sesudah bersara kelak adalah semata-mata satu penipuan belaka.

Kami juga merasa sangsi dengan cogankata yang telah dilaung-laungkan oleh pihak pimpinan kita yang ingin mewujudkan masyarakat penyayang dan bertimbang rasa kerana kami sebagai kalangan tua dan miskin yang sepatutnya menjadi asas kepada masyarakat yang diidam-idamkan itu langsung tidak menepati sasarannya.

Pampasan yang dicadangkan, kebajikan yang di cadangkan masih tidak menjamin peluang untuk mendapat kan segala tuntutan kami. Pada peringkat awalnya, kami amat tertarik dengan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Encik Thurai pada 4hb Januari 1991 di mana beliau mengecam sifat majikan yang sambil lewa dan berat sebelah terhadap masalah pekerja-pekerja dalam estet khususnya isu skim perumahan pekerja-pekerja. Beliau juga menegaskan bahawa Kerajaan Negeri berhak merampas tanah di bawah National Land Code dari majikan perladangan untuk dijadikan kawasan perumahan pekerja-pekerja. Kenyataan akhbar nya 'indah khabar dari rupa', rupanya beliau ada main belakang dengan pihak majikan untuk menindas kami.

Semasa perbincangan dengan Menteri Besar dan Encik Thurai, kami bersependapat bahawa mereka lebih menyuarakan kehendak majikan, malahan Menteri Besar sendiri sanggup mengatakan bahawa tidak ada bezanya di antara kepentingan Kerajaan dengan Syarikat McArthur Sendirian Berhad. Encik Thurai juga mengatakan di dalam akhbar bahawa beliau masih belum menerima apa jua permohonan dari pekerja-pekerja Estet Sungai Rasah untuk mendapatkan perumahan dan memberi kebajikan-kebajikan yang lain. Mengikut perbincangan dengan Menteri Besar, beliau telah merestui memberi keutamaan kepada pekerja tersebut bila pekerja-pekerja boleh mendapatkan perumahan dan segala kebajikan yang dijanjikan.

Di samping itu juga, beliau tidak sebut tentang penetapan pekerja-pekerja untuk sementara waktu sambil menunggu peluang untuk mendapat perumahan dan

kebijakan. Ini bermakna tidak payahlah lagi Encik Thurai berpura-pura menunggu permohonan dari kami kerana tujuan utama menemui Menteri Besar adalah berkaitan dengan perumahan, malahan Encik Thurai tidak menyuruh kami membuat apa-apa permohonan. Maka itu, kami tidak boleh menerima alasan beliau. Beliau juga mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak bertanggung jawab lagi dalam masalah perumahan dan kebajikan kerana masalah ini telah dibincangkan dan dipersetujui semasa pertemuan dengan Menteri Besar pada 7hb Januari. Pada masa yang sama, kami juga telah membuat kenyataan dalam akhbar menegaskan bahawa kami hanya akan keluar daripada Estet Sungai Rasah sekiranya kami mendapat jaminan bentuk hitam-putih daripada Menteri Besar. Perkara ini tidak dilakukan. Kami juga curiga dengan jaminan berlisani ini kerana pengalaman kami dengan Wakil Rakyat semasa pilihanraya serta pengalaman di kawasan-kawasan lain seperti Kampung Pasar Baru, Kampung Pandan dan juga pekerja-pekerja kilang yang lain, Kampung Bumi Hijau dan sebagainya, selalu nya yang menang dari pihak Kerajaan dan juga majikan, tetapi yang tewas adalah di pihak pekerja walaupun mereka menuntut perumahan ataupun perlindungan di sudut kebajikan sosial.

Kami juga merasa hairan bahawa Kerajaan lebih senang mengawasi keadaan daripada bertindak untuk menjaga kebajikan atau membantu rakyat untuk mendapat kan rumah dan juga memberi perlindungan sosial. Maka dengan itu, kami 22 keluarga ingin mendapatkan jaminan bertulis daripada Menteri Besar untuk menyelesaikan

masalah perumahan dan kebajikan yang lain. Kami juga berharap Encik Thurai bersikap lebih jujur lagi untuk menyelesaikan masalah pekerja-pekerja di sektor perladangan terhadap janji kebajikan dan dalam bentuk benefit yang lain, bukan hanya janji hingga bertemu, tetapi di luar pertemuan beliau berjumpa pula dengan pihak estet untuk menindas kami. Kami merayu kepada semua badan-badan politik . . . ,” ini seterusnya.

Ini bukti bagaimana pekerja yang ditindas. Mereka, kalau kita tengok Akta ini cukup baik, tetapi sebenarnya sebarang Akta sekarang ini boleh “dirogol” begitu mudah dengan orang-orang politik campur tangan terutama sekali Menteri-Menteri. Ini kita lihat, kuasa yang ada ini kadang-kadang boleh overruled Akta yang ada yang menyebabkan pekerja selalunya mengalami nasib yang amat malang. Pihak yang 70 tahun tidak dapat hak perlindungan di sudut sosial, keselamatan dan sebagainya membuat pula laporan kepada Polis yang bertarikh 17 Oktober 1991—baru sahaja, iaitu perkara tidak puas hati dengan pihak Polis Kelang kerana tidak bertindak terhadap aduan-aduan yang dibuat sejak 18 Januari 1991 oleh penduduk Estet Sungai Rasah.

Mereka report kerana mereka tidak puas hati terhadap ‘report’ yang mereka buat kepada pihak polis, tindakan tidak juga diambil terhadap aduan-aduan mereka.

“Kami AJK Bertindak Sungai Rasah bagi pihak penduduk Estet Sungai Rasah, Bukit Rajah, Kelang ingin membuat aduan terhadap Polis Kelang kerana mereka kesal atas sikap mereka yang sengaja tidak bertanggungjawab. Kami tidak yakin lagi bahawa mereka tidak mempertahankan hak kami.

Ini ekoran daripada tidak ambil pedulinya Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Kementerian Sumber Manusia, maka berlaku pergaduhan baru-baru ini antara pekerja estet ini dengan pihak majikan.”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Apa hubungkaitnya antara . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): . . . contoh yang diberi oleh Yang Berhormat dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Rang Undang-undang ini Keselamatan Sosial.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap. Apa yang saya dengar tadi sebenarnya di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Saya sebut contoh sahaja. Tetapi yang sebenarnya pihak Kementerian Sumber Manusia juga telah diadakan, tetapi mereka tidak mengambil peduli hal perlindungan ataupun keselamatan sosial pekerja estet ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan pergi jauh sangat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Tidak jauh, dekat sahaja. Sungai Rasah, dekat sahaja, dekat Kelang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi isi kandungan jauh sangat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Saya cuba dekatkan. Jadi, penduduk ini bertindak melaporkan kepada pihak Polis kerana didapati bila pihak majikan

memukul pihak pekerja, pihak pekerja membuat aduan kepada Balai Polis, Polis tidak ambil apa-apa tindakan. Tetapi bila pihak pekerja memukul pihak majikan, tidak sampai 24 jam Polis bertindak. Jadi, report ini terhadap report. Mereka report kepada Balai Polis terhadap report di Balai Polis Kelang kerana mereka tidak puashati kerana bila pekerja menumbuk majikan, maka pihak Polis bertindak cepat, tetapi bila pihak majikan menumbuk atau membelasah pekerja, ia tidak ambil tindakan. Jadi, walaupun Akta ini begitu baik untuk melindungi pekerja, tetapi kita lihat di sini ada EXCO di belakangnya, ada Menteri Besar di belakangnya menyebabkan Akta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mastadi, kita bimbang pihak Menteri ada kuasa yang hebat boleh membatalkan sesuatu ataupun boleh melengahkan sesuatu aduan yang berlaku.

Kemudian, aduan bekas pekerja-pekerja Estet Sungai Rasah kepada Badan Pencegah Rasuah. Ini kebajikan pekerja. Bagaimana mereka tidak mendapat perlindungan daripada Akta yang dahulu, maka Akta ini digubal. Kita mengharap selepas Akta ini digubal, aduan ini boleh diambil tindakan oleh Menteri Sumber Manusia. Kami bekas pekerja Estet Sungai Rasah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Sungai Rasah lagi?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Sungai Rasah lagi, satu ini sahaja saya bawa, bukan banyak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Panjang sangat nampaknya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Tidak, sedikit sahaja. Ini bukan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jauh sangat. Isi kandungannya memang tidak kena-mengena dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya hendak bawa satu, iaitu bagaimana di sudut kebajikan sosial pekerja di bawah Akta yang dahulu tidak diambil peduli. Dengan Akta yang baru ini kita harap akan diambil tindakan mengenai masalah kebajikan pekerja ini.

Satu sahaja lagi, iaitu aduan pekerja Estet Sungai Rasah kepada BPR. Syarikat Consolidated Plantation Sime Darby dan Syarikat McArthur Sdn. Bhd. yang diadu ini, iaitu bekas Pengerusi Lembaga Tanah Ladang, iaitu dia menjadi Estet Land Board, Dato Abdul Halim bin Dato Abdul Raof merangkap Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Menteri Besar Negeri Selangor, Tan Sri Haji Mohamad bin Mohamad Taib; Pengarah-pengarah McArthur Sdn. Bhd, Dato Mohd. Nor bin Haji Ismail dan Dato Chan Ah Kau. Mengikut ketetapan yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara, saya dapati pekerja-pekerja ini tidak mendapat perlindungan sosial. Apa jua tindakan hakmilik pindaan ataupun pelupusan tanah ladang yang melebihi 40 hektar mestilah mendapat sijil kelulusan dari Lembaga Tanah Ladang, tetapi mereka tidak dapat kelulusan, mereka terus juga membuka ladang dan menghalau para pekerja itu. Mereka yang berkenaan haruslah memenuhi borang 13 (C) dengan lengkap dan permohonan ini boleh ditolak sekiranya maklumat yang diberi tidak lengkap ataupun palsu. Kanun Tanah Negara 1965 Seksyen 214A (10) juga menetapkan bahawa mereka yang membuat perisytiharan palsu boleh didenda tidak melebihi \$10,000 dan dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun.

Jadi, aduan seterusnya yang saya rasa pihak Kementerian Sumber Manusia telah mengetahui aduan ini dan kita harap dengan lulusnya Akta ini supaya pekerja-pekerja ini diberi perlindungan sosial dan kalau mereka dihalau daripada estet atau ladang, mereka diberi ganjaran yang sebaiknya dan juga kebajikan mereka hendaklah diuruskan dengan sebaik mungkin.

Dengan itu, saya menyokong Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

5.05 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana membentangkan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Kalau menurut kata-kata Timbalan Menteri tadi, Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini, antara lainnya untuk memperluaskan skop liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan pada waktu yang sama memperbaiki lagi struktur faedah dan pelaksanaan skim PERKESO. Menurut beliau, Rang Undang-undang ini juga mencerminkan komitmen dan usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan lagi keselamatan sosial pekerja-pekerja kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu perkara yang memang selaras dan relevant dengan kehendak zaman, apatah lagi apabila Timbalan Menteri memperkatakan mengenai Wawasan 2020.

Dan satu daripada tujuan yang telah digariskan adalah memperluaskan perlindungan skim ini kepada pekerja yang dahulunya bergaji \$1,000 kepada \$2,000 dan tertakluk pula dengan persetujuan antara majikan dan pekerja.

Kepada saya, perkara ini memang betul-betul menarik, tetapi satu persoalan yang harus dipertimbangkan dan harus saya bertanya di sini adalah berapa ramaikah jumlah pekerja yang hari ini diambil secara haram dan berapa ramaikah majikan-majikan haram yang berada di negara ini? Kalau kita ingin melindungi seluruh pekerja, kita harus membuat satu kajian. Kementerian Sumber Manusia harus membuat satu kajian yang menyeluruh dan ikhlas di seluruh negara tentang wujudnya kilang-

kilang haram, industri-industri haram, ladang-ladang haram yang juga mengambil pekerja-pekerja secara haram. Ini penting kerana kalau kita izinkan mereka untuk terus beroperasi, ini bermakna kita memberi perlindungan untuk mereka tidak bertanggungjawab kepada kaum pekerja.

Pada waktu yang sama, saya ingin bertanya kerana masalah pekerja sekarang ini adalah satu masalah yang rumit, di mana umpamanya, daripada laporan-laporan yang kita terima di negeri Johor sendiri akan menghadapi kekurangan pekerja-pekerja, bagaimanakah struktur perlindungan ini akan diberikan kepada pekerja-pekerja yang kita import masuk? Tidakkah ini akan menambahkan risk kita untuk menanggung orang-orang yang kita bawa masuk.

Yang keduanya, bagaimanakah corak perlindungan yang akan diberikan kepada industri yang akan menjadi lebih sofistikated di masa akan datang, industri-industri yang high-risk, yang mempunyai bahaya-bahaya yang lebih, industri-industri yang terdedah dengan bahan-bahan radioaktif dan sebagainya. Perkara ini harus juga kita ambil kira oleh kerana saya yakin dan saya percaya Kementerian ini sebagaimana ditegaskan tadi, adalah untuk memberi perlindungan yang lebih luas kepada kaum pekerja dari segi keselamatan mereka.

Seterusnya masalah meluaskan perlindungan kepada mereka yang menggunakan kenderaan syarikat kepada perlindungan waktu dia pergi makan, balik makan, pergi kerja dan balik kerja dengan kenderaan sendiri. Ini satu perkara yang saya rasa memang harus dilakukan. Tetapi sekali lagi saya harap di dalam melaksanakan undang-undang ini, pihak majikan sendiri harus digesa dan harus didesak untuk menjadi ikhlas dan menerimanya. Walaupun sekarang ini banyak undang-undang

mengenai pekerja yang dikuatkuasakan, tetapi ada juga majikan-majikan yang memang sengaja mencari loophole, mencari ruang untuk mereka mengelak dari menunaikan tanggungjawab itu.

Umpamanya, kalau saya boleh sebut pembayaran EPF, berapa banyak syarikat yang telah disenaraikan baru-baru ini? Berapa juta ringgit wang EPF pekerja yang tidak dibayar? Jadi, dalam hal ini juga saya harapkan pihak Kementerian, apabila Akta ini diluluskan kelak, akan mengadakan perundingan-perundingan dengan pertubuhan majikan dan juga akan diadakan perundingan-perundingan dengan kesatuan-kesatuan supaya pekerja-pekerja menyedari dia punya hak dan juga keistimewaan dari segi perlindungan ini, dan pada waktu yang sama adalah diharapkan supaya tidak ada lagi Kesatuan-kesatuan Sekerja yang akan mahu mempolitikkan hal ini.

Kalau tadi saudara saya dari Nilam Puri mengatakan campurtangan orang-orang politik untuk cuba membantutkan kekesanan-kekesanan mana-mana undang-undang mengenai pekerja, saya juga ingin menegaskan bahawa tidak harus ada mana-mana pihak politik, khususnya pembangkang yang akan mengambil side ataupun memihak kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja dan dijadikan satu platform untuk menentang Kerajaan, bukan semata-mata untuk memberi manfaat dan kebajikan kepada pekerja. Ini saya rasa satu pertimbangan yang adil. Jangan kita hanya melihat kepada satu sudut yang membawa kepentingan diri sendiri, oleh kerana pada saya Kesatuan Sekerja juga memainkan peranan pada masa akan datang untuk menentukan sama ada negara ini benar-benar akan mencapai satu taraf negara industri yang maju dengan pekerja yang mentalitinya sihat, dengan pekerja yang keselamatannya terlindung, dengan pekerja yang terjamin kebajikannya dan seterusnya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong.

5.14 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ke atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) yang dibentangkan pada hari ini, maka nampaknya skop PERKESO telah diperluaskan kepada perlindungan bagi pendapatan \$2,000 sebulan daripada \$1,000 sebulan. Ini bermakna rakyat Malaysia memandang perkara ini sangat serius, kerana rakyat Malaysia hendaklah PERKESO berfungsi dengan lebih berkesan, memberi pampasan yang lebih baik daripada insuran biasa.

Sekarang kita mendapat 1.9 juta pekerja yang menjadi ahli PERKESO dan dengan diluluskan Rang Undang-undang ini, ia mungkin meningkat kepada lebih 2 juta orang, mungkin bertambah seramai 296,000 orang yang akan menjadi ahli PERKESO, tetapi ada beberapa soalan yang akan saya timbulkan di sini.

Yang pertamanya, mengapakah PERKESO tidak boleh menguatkuasakan liputannya dengan serta-merta dan masih memerlukan tempoh masa 24 bulan daripada 36 bulan yang asal? Ini satu soalan yang saya berharap Yang Berhormat dapat jawab. Mengapakah PERKESO tidak boleh berfungsi seperti KWSP iaitu membenarkan pencarum memperoleh sebahagian besar jika bukan kesemuanya wang yang telah dicarumkan? Maka ini akan mirip seperti pencen tambahan atau, dengan izin, life endowment policy, dan mungkin dengan cara sebegini para pekerja termasuk eksekutif lebih bersedia membayar kepada caruman kepada PERKESO. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini counter proposals, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang telah dibuat oleh pihak MEF terhadap cadangan-cadangan dalam pindaan Akta

PERKESO ini, dan juga cadangan mengapakah SOCSO tidak disengaje pencarum daripada terus membuat caruman sebaik sahaja ia melebihi ceiling dan dari itu majikan menyediakan insurans. Maka pekerja terus menerima liputan dan rakan saya Yang Berhormat dari Bayan Baru telahpun menyuarakan mengenai penggabungan KWSP dengan PERKESO supaya pencarum boleh memperoleh dividen atau sebahagian wang yang dicarumkan.

Saya akan tekankan sekali lagi bahawa jawapan yang teliti patutlah diberi mengenai cadangan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bangkitkan di sini mungkin pihak Kementerian boleh mempertimbangkan iaitu bagi majikan yang tidak mahu menyertai PERKESO, mewajibkan pihak majikan itu untuk mengadakan comprehensive insurance, termasuk insurans perubatan dan personal accident insurance—bagi majikan-majikan yang enggan menyertai PERKESO selepas Rang Undang-undang (Pindaan) ini diluluskan dalam Dewan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya akan membincangkan perkara ini dengan lebih panjang lebar. Memang ada setengah-setengah majikan yang tidak mahu menyertai PERKESO yang dibentangkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita nampak trend kemalangan perindustrian sedang meningkat, kitapun dapat tahu dengan penguatkuasaan kaedah dan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan untuk pekerja-pekerja industri, maka kita boleh nampak trend ini akan berubah dan bilangan kemalangan industri akan berkurangan. Dan alasan pertambahan kes kemalangan industri ini tidak boleh digunakan oleh pihak Kementerian

untuk memaksa majikan menyertai PERKESO, memandangkan dana ataupun kumpulan wang PERKESO ini semakin hari semakin bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kumpulan wang PERKESO ini yang saya akan sebutkan sebentar lagi begitu banyak bertambahnya, saya nampak pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja telah membuat beberapa cadangan untuk memperbaiki, untuk menyeru pihak Kementerian menggunakan wang ini dengan lebih berkesan kerana, dengan izin, "snowballing" dana ataupun kumpulan wang PERKESO ini tanpa penggunaan dengan berkesan, without real effective utilisation, maka adalah sia-sia sahaja untuk meluluskan Rang Undang-undang seperti ini.

Without its real effective utilization, it will be a waste of time, to try and pass the law today.

Salah satu cadangan ialah untuk dibenar dikeluarkan wang caruman semasa berlakunya pemberhentian kerja atau semasa pengangguran. Tetapi nampaknya alasan PERKESO bahawa ini akan menggalakkan dole mentality-mentaliti malas, dan Lembaga PERKESO menjadi badan kebajikan. Ini saya nampak pertimbangan pihak Kementerian adalah tidak begitu mendalam mengenai hal ini. Saya rasa pendapat ini dengan dole mentality ini adalah tidak berasas kerana peruntukan boleh dibuat hanya semasa kemelesetan ekonomi. Dan saya hendak tekankan di sini pihak di dalam DAP tidak mahulah wujudnya di negara ini dole mentality sepertimana terdapat di setengah-setengah negara maju. Sebab itulah kita mesti menggubalkan Rang Undang-undang ini dengan lebih berkesan untuk mengelakkan dole mentality.

Walau bagaimanapun, saya nampak PERKESO hanya berminat mengambil wang tetapi tidak pula bersedia memperluaskan faedah kepada ahli yang boleh kononnya menyebabkan kebocoran.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian bersedia untuk menerima cadangan supaya bayaran bil perubatan disubsidikan apabila ahli PERKESO terpaksa tinggal di hospital untuk tempoh yang lama. Adakah pihak PERKESO sedia untuk memberi subsidi perubatan seperti ini? Dan adakah pihak PERKESO sanggup meningkatkan quantum pampasan kepada pekerja yang tercedera atau berada dalam hospital dan adakah pihaknya sedia untuk memberi bayaran yang lebih cekap dan cepat?

Di sini saya hendak bangkitkan satu perkara lagi iaitu mengenai cara menerima faedah. Di dalam skim SOCSO sekarang hanya orang tanggungan berhak menerima faedah. Kalau tidak ada tanggungan, pihak PERKESO akan simpankan wang itu. Sebaliknya, dengan insurans komersil sesiapa sahaja boleh dinamakan, dinominated sebagai waris atau beneficiary. Mengapa pihak PERKESO tidak boleh mengambil contoh daripada pihak insurans swasta ini? Sebab, sistem seperti yang diamalkan oleh pihak insurans swasta ini adalah beratus-ratus tahun. Tetapi PERKESO itu berapa tahun sahaja sekarang? Semenjak 1969 sahaja. Tetapi ia tidak sanggup untuk mengambil teladan seperti ini. Mengapakah pihak Kementerian begitu degil untuk mempelajari daripada pihak-pihak yang mempunyai sistem yang lebih baik?

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang membawa kekecewaan kepada pekerja-pekerja iaitu mengenai faedah atau liputan PERKESO untuk kemalangan semasa dalam perjalanan. Hanya bagi:

- (a) ulang-alik dari rumah ke tempat kerja;
- (b) bersabit pekerjaan; dan
- (c) dari tempat kerja ke tempat makan semasa rehat tengah hari sahaja.

Kononnya, PERKESO tersedia memberi liputan 24 jam di bawah Invalidity Pension and Death Scheme. Tetapi sebaliknya bagi insurance and personal accidents, juga memberi liputan 24 jam, tidak kira apa bentuk kecederaan. Tetapi bagi PERKESO, hanya kecederaan masa bekerja. Dengan memperluaskan skop perlindungan PERKESO ini maka adalah eksekutif-eksekutif dengan pendapatan \$2,000 sebulan boleh menjadi ahli dan bagi eksekutif-eksekutif ini semasa kerja, risiko kecederaan itu sangat tipis bukan seperti pekerja yang lain. Pekerja-pekerja kilang memang menghadapi risiko itu lebih tinggi. Saya pun tidak tahulah fikiran Kementerian mengenai hal seperti ini. Mengapa PERKESO tidak boleh mencontohi pihak insurans dengan memberi liputan 24 jam tanpa mengira bentuk kecederaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan dengan semasak-masaknya mengenai mengapakah setengah-setengah majikan menyediakan eksekutif-eksekutif dengan insurans seperti, dengan izin, personal accident insurance, life insurance atau medical insurance serta medical benefits?

Tuan Yang di-Pertua, selepas kelulusan Rang Undang-undang ini, selepas skop PERKESO ini diperluaskan, liputannya akan menghasilkan yang pertama pengandaan faedah atau benefits dan tambahan kos bagi majikan walaupun majikan gurkan insurans swasta dan mencarum kepada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa setengah-setengah majikan enggan menyertai PERKESO? Saya boleh percaya ada banyak yang tidak mahu menyertai selepas diluluskan Rang Undang-undang ini. Saya beri satu misalan. Di sesuatu syarikat yang mempunyai enam kakitangan dengan gaji lingkungan \$400 sebulan sampai

\$1,500 sebulan, bagi enam kakitangannya, kalau mereka semua menyertai SOCSO atau PERKESO, kita boleh kira seseorang itu kalau dia ada gaji bulanan \$1,500, caruman kepada PERKESO adalah \$325.80 sen setahun. Dan bagi seseorang yang bergaji \$1,000 sebulan, caruman kepada PERKESO setahun ialah \$220.20, dan seterusnya.

Kita dapati 6 kakitangan dalam satu syarikat caruman kepada PERKESO setahun lebih \$1,000. Akan tetapi syarikat yang mempunyai 6 kakitangan itu kalau membeli insurans personal accident ataupun life policy ataupun insurans perubatan, di dalam satu tahun untuk 6 kakitangan bayaran kepada insurans hanya \$569—tidak sampai separuh yang terpaksa dibayar kepada PERKESO dan faedah akan didapati bagi personal accident \$15,000 dan juga second-class hospitalisation. Saya bagi contoh ini. Saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak memberi contoh seperti ini. Mungkin pihak Kementerian

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Pertama dia menghala muka mengikut suka hatinya. Dia kena bercakap menghadap Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, dia membuat contoh itu suka hati tidak ada siapa yang check betul atau tidak betul. Tadi dia kata \$1,000, selepas itu \$569—dia kata setengah. Macam mana? Tidak betul!

Dr Tan Seng Giaw: Kalau pihak majikan itu hendak membeli insurans bukan PERKESO, bukan menyertai PERKESO untuk membeli insurans sendiri, hanya \$569 setahun sahaja bagi 6 kakitangan. Tetapi kalau menyertai

PERKESO, amaunnya akan berganda. Itulah yang saya sebutkan tetapi Yang Berhormat dari Larut tidak faham hal ini. Cuma UDA dia faham. Kalau UDA pun, Timbalan sahaja. (Ketawa) Tidak sampai ke tahap Pengarah lagi. (Ketawa) Kalau sikap sedemikian, mungkin tidak sampai ke Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan contoh yang saya telah beri tadi. Kalau pihak majikan boleh dapat faedah bagi kakitangan lebih banyak dengan bayaran lebih kecil, siapa yang hendak menyertai PERKESO?

Dan satu perkara lagi, sekiranya majikan menggugurkan pembelian insurans swasta, apakah kesannya pula terhadap industri insurans ini, khususnya di bidang insurans perubatan adakah pihak Kerajaan pernah mengkaji mempertimbangkan juga kesan sampingan ini? Memang kalau hendak tambahkan ahli di dalam PERKESO hampir 300,000 orang ini, memang ada banyak yang berhenti pembayaran untuk insurans. Jadi, apakah akan terjadi ke industri insurans terutamanya insurans perubatan. Inilah yang saya hairan sedikit dengan arus penswastaan, iaitu menggalakkan pihak swasta untuk menyertai pembangunan untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi. Tetapi dengan kelulusan Rang Undang-undang seperti ini, industri insurans akan terjejas. Tetapi saya tidak pernah dengar sebutan terhadap ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini tadi. Bagi dia cuma PERKESO sahajalah yang ada di negara ini. Insurans ataupun syarikat yang lain tidak wujud. Tetapi apakah tujuannya? Adakah ini tujuan untuk menghalang industri insurans?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendaklah menekankan di sini bahawa dana PERKESO adalah semakin hari semakin meningkat. Pelaburan PERKESO pada tahun 1989 lebih \$1.68 bilion dan

pulangan pelaburan pada tahun 1989 sahaja \$137,292,185 dan caruman bagi tahun 1988 \$169 juta dan bagi tahun 1989 \$197.7 juta. Akan tetapi perbelanjaan pampasan faedah yang diberi, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "for temporary disablement benefit" \$12.69 juta sahaja. Untuk "permanent disablement benefit" \$24.51 juta sahaja. "Employment injury fund" dan "invalidity pension fund" \$77.45 juta dan jumlah faedah dan pampasan yang diberi hanya \$114.65 juta sahaja.

Cuba bayangkan. Pelaburan lebih \$1.68 bilion dan pulangan setahun lebih \$137 juta. Tetapi dia bayar pampasan itu hanya \$114 juta sahaja. Jadi, dana PERKESO semakin hari semakin meningkat. Tetapi pihak Kementerian dan PERKESO begitu enggan untuk membayar pampasan. Begitu enggan untuk memberi faedah yang lebih kepada pekerja. Apakah sebabnya?

Dengan kelulusan Rang Undang-undang hari ini, dengan pertambahan kira-kira 300,000 orang ahli, maka kumpulan wang PERKESO akan meningkat lagi dan wang pelaburan serta pulangan akan bertokok tambah setiap tahun dan jauh melebihi perbelanjaan mahupun bayaran kepada ahli-ahli yang memerlukan pampasan faedah itu.

Itu satu perkara yang aneh bagi saya kerana saya nampak, apabila Yang Berhormat Menteri Tenaga Sumber Manusia membidas Dewan Bandaraya yang tidak membayar caruman kepada PERKESO, bagi pihak kakitangannya yang beribu-ribu orang, Dewan Bandaraya menjawab bahawa sejak 6 tahun dahulu lagi pihak Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur dikecualikan daripada membayar caruman kepada PERKESO. Tetapi selepas jawapan itu pihak Yang Berhormat Menteri senyap sahaja, diam sahaja, tidak ada komen langsung dan mungkin tidak ada tindakan langsung untuk memperbaiki keadaan. Sebab apa badan rasaksa seperti Dewan Bandaraya ini

tidak payah membayar langsung tetapi majikan yang lebih kecil dengan enam, ataupun sekarang seorang pekerja pun dia terpaksa membayar, tetapi beribu-ribu pekerja Dewan Bandaraya tidak payah bayar caruman. Apakah maksudnya? Apakah niatnya?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun harus dikecualikan daripada penguatkuasaan Rang Undang-undang ini? Kerajaan termasuk Badan Berkanun harus menjadi contoh teladan dan membuat caruman sama seperti semua majikan dan pekerja swasta. PERKESO memang mengandungi konsep keadilan sosial. Apakah keadilan sosial seperti ini? Badan-badan berkanun di kecualikan, Dewan Bandaraya dikecualikan—entah apa lagi pertubuhan ataupun badan Kerajaan yang dikecualikan. Inilah yang disebut sebagai keadilan sosial. Kalau begitulah keadilan sosial, saya tidak nampaklah apakah istilah dan pengertian sebenar keadilan sosial. Nampaknya Yang Berhormat dari Padang Terap tidak berminat langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat mengenai hal ini, Badan Berkanun yang manakah yang sekarang dikecualikan lagi daripada kuatkuasa Rang Undang-undang ini. Kalau ada lagi dikecualikan, mengapa? Badan-badan Berkanun manakah yang akan terus dicadangkan untuk dikecualikan dan mengapa?

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada satu sahaja Badan Berkanun yang tidak membayar caruman bagi pihak pekerja kepada PERKESO, ini bermakna majikan boleh mengambil contoh ini dan majikan boleh, saya tidak nampak tidak boleh, dikecualikan daripada membayar caruman.

Soalan yang lainnya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementeriannya ke atas Dewan Bandaraya. Kalau kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap Dewan

Bandaraya, kita pun tidak boleh mengambil tindakan ke atas majikan yang lebih kecil yang mempunyai satu kakitangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan bahawa pihak Kementerian semasa membentangkan Rang Undang-undang ini tidak berfikir dengan semasak-masak mengenai pampasan, mengenai faedah dan mengenai kadar caruman pekerja-pekerja berbanding dengan skim insurans swasta. Kalau pertimbangan seperti ini dibuat dengan panjang lebar, saya percaya ada sesetengah Fasal di sini akan diubah dan akan dipinda untuk membolehkan lebih banyak pampasan dan faedah diberi kepada pekerja—ahli-ahli PERKESO dan juga kadar caruman diadakan selaras dengan kadar yang dibayar untuk insurans swasta. Kerana di dalam ekonomi yang terbuka ini sesiapa yang boleh menawarkan bayaran yang lebih rendah, memang itulah yang lebih efficeance dan itulah yang diharapkan oleh pengguna.

Sebaliknya dengan Rang Undang-undang ini, kita harap majikan akan membayar dengan lebih kepada PERKESO, walhal dia boleh dapat faedah yang sama dengan bayaran yang kurang kepada insurans swasta. Tetapi saya tidak nampak logik dan rasional ta'akulan Rang Undang-undang ini mengenai kadar bayarannya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas diluluskan Rang Undang-undang ini dengan dana yang meningkat, saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang bernas termasuk skim Keselamatan Sosial Pekerja, termasuk skim insurans penganggur, termasuk skim pencen, termasuk institut keselamatan dan kesihatan kerja dan juga cadangan untuk mencantumkan KWSP dan PERKESO. Ini semua cadangan-cadangan yang bernas dan membina dan saya berharap dapat dipertimbangkan dan diterima. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.50 ptg.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Pasir Mas, Nilam Puri, Parit Sulong dan Kepong.

Yang Berhormat dari Bayan Baru ada menyebutkan beberapa perkara dan saya cuba menjawab point by point. Satu, kekurangan pematuhan di pihak majikan. Jawapannya, dari semasa ke semasa pegawai-pegawai PERKESO ada membuat pemeriksaan ke atas perusahaan-perusahaan yang berdaftar untuk memastikan bahawa majikan-majikan mematuhi kehendak-kehendak Akta. Di samping itu, pegawai-pegawai PERKESO juga menjalankan penyiasatan apabila menerima aduan-aduan tentang kegagalan majikan mematuhi kehendak-kehendak Akta. Semasa pemeriksaan atau penyiasatan itu, sekiranya didapati majikan tidak mematuhi mana-mana kehendak-kehendak Akta, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Kedua, pekerja kurang memahami hak

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan kepada Bayan Baru?

Dato' M. Mahalingam: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hanya ingin minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan pegawai-

pegawai daripada PERKESO ke atas industri-industri yang tidak berdaftar. Tadi beliau ceritakan yang berdaftar, tetapi yang tidak berdaftar, apakah hukuman dan tindakan yang telah diambil oleh pihak PERKESO.

Dato' M. Mahalingam: Saya minta Yang Berhormat laporkan kepada Kementerian saya, kalau ada mana-mana industri yang tidak berdaftar.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar industri haram, perusahaan haram dan macam-macam lagi yang kita telah tahu. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas industri-industri yang tidak berdaftar? Senang sahaja soalan itu, bukan saya perlu laporkan mana-mana industri yang tidak berdaftar. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, pekerja kurang memahami hak-hak mereka—menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru, pegawai-pegawai PERKESO memang ada memberi ceramah kepada pekerja-pekerja di tempat kerja mereka. Dalam ceramah itu, penerangan yang mendalam

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia bangun lagi. Beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Tidak ada jalan dan saya tidak beri jalan. Cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Semua perkara yang ditimbulkan patut dijawab oleh beliau sebagai Timbalan Menteri.

Dato' M. Mahalingam: Kita jawab.

Tuan Ahmad bin Nor: Sekarang dia hanya membaca.

Dato' M. Mahalingam: Kita jawab, sabar sedikit.

Tuan Ahmad bin Nor: Sabar, maksudnya ada jawapankah?

Dato' M. Mahalingam: Sebelum memberikan, maksudnya saya pun belum mula menjawab . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Bayan Baru, diminta duduk! Tunggulah jawapan.

Dato' M. Mahalingam: Pegawai-pegawai PERKESO memang ada memberi ceramah kepada pekerja-pekerja di tempat kerja mereka. Dalam ceramah itu, penerangan yang mendalam berhubung dengan hak-hak pekerja dari faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah Akta serta cara-cara membuat tuntutan telah diberikan. Penerangan-penerangan mengenai skim-skim PERKESO juga ada diberikan melalui Radio Malaysia dari semasa ke semasa. PEKESO juga telah mengedarkan risalah-risalah dan poster-poster mengenai faedah-faedah di bawah Akta kepada majikan-majikan, pekerja-pekerja dan Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat dari Bayan Baru juga menyoal Kementerian Sumber Manusia mengkaji Skim Pampasan Kerja, 1952. Jawabnya: Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil tindakan untuk kaji semula Akta Pampasan Kerja, 1952.

Yang Berhormat dari Bayan Baru juga menyoal tindakan mengadakan institusi, dengan izin, for health and safety. Menjawabnya: Kerajaan telah-pun meluluskan penubuhan IKIP dan Kementerian Sumber Manusia sedang mengawasi penubuhan institut itu.

Yang Berhormat dari Bayan Baru minta pencen baru iaitu untuk penganggur dan pencen orang tua. Pencen baru memerlukan kajian aktual dan caruman tambahan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Nilam Puri menyoal: Apakah sebab diberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia iaitu di bawah Fasal 39. Jawabnya, Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 yang berkuatkuasa pada masa ini memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia untuk mengecualikan mana-mana perindustrian yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana Kuasa Tempatan. Oleh itu, adalah wajar kuasa untuk mengecualikan perusahaan yang diuruskan oleh mana-mana badan berkenaan diberi kepada Menteri Sumber Manusia.

Yang Berhormat dari Nilam Puri menyoalkan perlunya mencantumkan KWSP dan PERKESO. Cadangan ini boleh dikaji dari segi kekesan perkhidmatan kepada pekerja.

Yang Berhorat dari Parit Sulong menyoal, perusahaan risiko tinggi, dengan izin, high risk industries. Kementerian Sumber Manusia ada mengambil perhatian terhadap, dengan izin, high risk industries. Pekerja-pekerja haram dan majikan-majikan dan syarikat-syarikat haram sedang diawasi oleh Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat dari Kepong menyoal mengenai pengecualian Dewan Bandaraya, apakah sebab badan-badan berkanun dikecualikan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur—pengecualian hanya bermula pada 1hb November, 1984. Caruman dibuat dengan butir-butir silap seperti nombor kad pengenalan. Caruman adalah betul selepas disiasat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Tidak beri jalan. Sudah diberikan masa berucap. Yang Berhormat dari Kepong

pun telah menyoal, tempoh kelayakan bagi pencen ilat dan pencen penyakit di bawah Skim Pencen Ilat. Jawapannya, tempoh kelayakannya adalah satu amalan prinsip biasa di bawah bidang keselamatan sosial dan menurut Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), salah satu saham ialah meliputi pekerja-pekerja yang telah menyumbangkan jasa kepada masyarakat atau proses pengeluaran goods and services, dengan izin.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong bangun lagi, beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Tidak beri jalan. Tuan Yang di-Pertua, lain-lain teguran dan pandangan telah diambil kira oleh Kementerian Sumber Manusia. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian saya sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 48 -

5.58 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, menyentuh Fasal 4, saya ingin meminta penjelasan yang lanjut, mengapakah pindaan hanya dibuat untuk meliputi industri-industri yang mempunyai seorang pekerja daripada lima pekerja? Ataupun adakah pihak Kementerian sengaja buat tidak nampak bahawa ramai pekerja yang tidak menjadi pencarum kepada PERKESO oleh kerana kegagalan pegawai dan kakitangan PERKESO sendiri mengawasi dan melaksanakan peraturan-peraturan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 ke atas berbagai industri-industri yang telah engkar untuk mencarum pekerja-pekerja mereka sebagai anggot ataupun ahli PERKESO.

Saya tidak nampak walaupun dikurangkan dari lima pekerja ke satu pekerja bagi satu-satu industri jika sekiranya pihak ataupun tingkah laku pegawai-pegawai dari PERKESO tidak berubah selagi pengawalan dan penguatkuasaan yang rapi tidak diambil terhadap semua industri-industri maka pindaan ini tidak ada bermakna. Lebih-lebih lagi saya rasa bimbang dengan berbagai industri-industri yang telah tumbuh sebagai cendawan secara haram dan ada juga industri-industri yang mengamalkan pengambilan pekerja-pekerja melalui agensi pekerjaan ataupun kontraktor-kontraktor yang tidak pernah diberi perlindungan di bawah Skim PERKESO.

Tuan Pengerusi, sepertimana juga saya sentuh tadi berhubung dengan pencen ilat. Saya tidak nampak apa sebab Kerajaan mahu mengurangkan faedah, tempoh bagi pencarum-pencarum ataupun orang-orang yang berinsuran hanya mendapat pencen ilat yang diturunkan daripada 36 bulan hingga 24 bulan. Jadi, sekiranya kita dapat menambah bilangan pencarum-pencarum sudah bererti hasil ataupun kutipan daripada pencarum-pencarum akan meningkat sedangkan perbelanjaan

bagi membayar pampasan dan sebagainya di bawah berbagai skim yang wujud adalah kurang daripada jumlah yang dipungut malahan faedah-faedah sepertimana yang kita tahu adalah lebih kurang daripada faedah-faedah yang terdapat daripada skim insuran swasta.

Tuan Pengerusi, Fasal 15 (a) dan (b), saya juga ingin disebabkan tidak mendapat sebarang jawapan dalam ucapan gulung Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, maka saya mengulangi supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan apakah kaedah yang telah digunakan bagi menentukan kadar pencen ilat sebanyak \$342.86 sen dan saya berharap kali ini Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi jawapan-jawapan yang lebih tepat bukan secara akan diambil perhatian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.04 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, memandangkan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah kurang memuaskan, bahkan ada setengah-setengah tidak menjadi jawapan pula.

Saya hendak tekankan bahawa kalau kita membahaskan Rang Undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini memang jawapan terpaksa disediakan untuk isu-isu yang pokok.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Fasal yang ke berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Fasal 15 Seksyen 20. Ini mengenai jawapan tadi daripada Yang Berhormat mengenai mengapakah PERKESO tidak boleh menguatkuasakan liputan dengan serta merta dan masih perlu tempoh masa 24 bulan. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi adalah tidak memuaskan,

kerana saya tidak nampak maka tidak boleh dibuat dengan serta merta walhal pihak insuran swasta boleh. Kita terpaksa tunggu 24 jam tetapi kalau berbanding dengan 36 bulan yang ada dengan Akta yang lama, mungkin ada kebaikan sedikit, ada kemajuan 12 bulan. Tetapi saya berharap satu jawapan yang tepat dapat diberi mengapa mengambil masa yang begitu panjang.

Dan Fasal 17 Seksyen 24. Liputan PERKESO sebab tidak dijawab. Saya terpaksa ulang. Jadi, ini hanya untuk kemalangan semasa dalam perjalanan hanya bagi ulang-alik dari rumah ke tempat kerja bersabit dengan pekerjaan dan dari tempat kerja ke tempat makan semasa rihat tengahari. Dan walau ada disebutkan di sini kononnya PERKESO tersedia memberi liputan 24 jam di bawah invalidity pension and death scheme, dengan izin, tetapi saya tidak nampak mengapa pihak PERKESO tidak boleh benar-benar melaksanakan konsep liputan 24 jam tanpa mengira apa bentuk kecederaan tetapi satu jawapan tidak didapati tadi.

Fasal 43, pindaan perenggan 1 Jadual Pertama, di sini liputan diperluaskan untuk melindungi semua yang berpendapatan sehingga \$2,000 sebulan.

Tuan Pengerusi, di sini saya pun beri satu contoh untuk dipertimbangkan dan sebagainya dengan pertambahan dana seperti ini pihak Kementerian, pihak Yang Berhormat tidak memberi jawapan bagaimana wang yang begitu banyak yang bertokok tambah itu akan digunakan.

Dan Fasal 39 Seksyen 100, ini mengenai Dewan Bandaraya tadi ada satu jawapan, mengapa badan itu dikecualikan tetapi jawapan itu tidak tepat, mereka masih tidak bayar. Apakah tindakan yang diambilnya dan apakah badan-badan yang lain yang dikecualikan, kerana tidak disebutkan di dalam Fasal ini, apakah badan-badan berkanun yang dikecualikan membayar kepada PERKESO.

Jadi, tidak patutlah soalan yang sepeenting ini tidak dijawab.

Fasal 30 Seksyen 72. Ya, ini mengesahkan bagi kumpulan wang pertubuhan dibelanjakan bagi maksud kebajikan dan rekreasi pegawai dan pengkhidmat, apakah definisi kebajikan dan rekreasi, sebab di sini tidak ada disebutkan butir-butir mengenai pindaan ini. Sekop untuk kebajikan dan rekreasi sangat luas.

Memang satu rang undang-undang mesti mengandungi Fasal-fasal yang mempunyai definisi penakrifan yang tepat, bukan begitu kabur yang menimbulkan kekeliruan sehingga rakan di tepi itu memberi nasihat. (*Ketawa*)

Fasal 31, seksyen baru 72A yang membolehkan kumpulan wang pertubuhan dibelanjakan bagi maksud pinjaman kepada pegawai dan pengkhidmat. Di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak menanya bukankah PERKESO badan Kerajaan? Maka pegawai dan pengkhidmat kakitangan Kerajaan adalah juga kakitangan Kerajaan. Oleh itu, adakah pinjaman malah kebajikan dan rekreasi yang mengikut definisi penakrifan itu begitu mengelirukan harus diperolehi terus daripada Kerajaan ataupun Perbendaharaan? Mengapa kita hendak dapatkan daripada PERKESO kalau untuk maksud pinjaman ataupun kebajikan ataupun rekreasi kerana PERKESO pun badan Kerajaan juga dan pegawai-pegawai dan pengkhidmat kakitangan Kerajaan pun kakitangan Kerajaan juga dan mengapa dapat pinjaman untuk rekreasi, untuk kebajikan, untuk pinjaman daripada PERKESO? Saya pun hairan juga. Mengapa kita memerlukan penggunaan kumpulan wang pertubuhan tersebut?

Saya berharap dengan nasihat daripada rakan sebelah itu dapat jawapan yang tepat, tetapi beliau juga bukan pakar di dalam PERKESO saya nampak. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Bodoh!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, satu perkataan 'unparliamentary'!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan mengganggu orang berucap. Terus kan Kepong, sudah habis?

Dr Tan Seng Giaw: Saya tak mahu, saya ada banyak lagi. Kalau tak diam, saya tak mahu, tidak menghormati kepada Tuan Pengerusi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun. Beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Kalau dia janji jangan cakap semasa saya berdiri, lain kali saya akan beri.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau minta, baiklah, lebih sopan sedikit. (*Ketawa*)

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Sebenarnya yang tak sopan itu Yang Berhormat yang bercakap, sebab saya duduk, saya tak bangun, Yang Berhormat sebut, "di sebelah Yang Berhormat yang berkenaan". Bukankah itu bodoh? Itulah kata orang tak sopan, tetapi Yang Berhormat yang tak sopan. Kurang ajar!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, baik dia tarik balik sekarang dua perkataan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memperingatkan jangan menggunakan perkataan-perkataan . . .

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak akan meneruskan ucapan saya kalau dia tak tarik balik.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong, suka saya memperingatkan jangan bercakap tentang orang lain yang duduk menyakitkan hati ya? Provokasi ada . . .

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak sebutkan nama orang . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jadi, kita putuskan begitu sahajalah. Yang Berhormat membuat provokasi.

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi penggunaan perkataan tadi itu tak sopan, unparliamentary. Tanya Menteri Undang-undang. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan di sini pencaruman untuk Kumpulan Wang PERKESO datang daripada ahli dan dimiliki oleh ahli yang mencarumnya. Maka pinjaman, kebajikan dan rekreasi tak patut kita dapatkan wang daripada PERKESO kerana wang ahli.

Fasal-fasal 32 dan 33 mengenai Panel Pelaburan. Tuan Pengerusi, saya nampak panel ini serupa dengan panel untuk KWSP. Mengapa tidak boleh mirip lagi seperti KWSP supaya pencarum memperoleh kembali sebahagian caruman mereka bila mereka bersara?

Ada Panel Pelaburan yang mirip kepada KWSP tetapi amalan-amalan yang lain itu tidak dibenarkan. Itu hairan binti pelik.

Saya berharap dapat dijawab semua soalan yang dibangkitkan mengenai Fasal-fasal tersebut. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, DAP memang tak sokong dan memang ada critise dengan Kerajaan. Kalau kita berikan apa-apa pun memang mereka tak puas hati. Itu satu cara yang DAP buat, budaya dia.

Tuan Pengerusi

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalankah, Bayan Baru bangun.

Dato' M. Mahalingam: Ini memang dia mahu disturb kita (Kerajaan) juga. Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri jalan atau tidak?

Dato' M. Mahalingam: Tidak.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Menyampuk)*

Dato' M. Mahalingam: Bukan di sini kita kata MIC-UMNO, kita Barisan Nasional di sini.

Tuan Ahmad bin Nor: Jangan tuduh kita tak sokong. Memang tujuan kita mengkritik membina untuk membaiki keadaan-keadaan yang perlu diberi kepada kaum pekerja. Ini bukan soal sama ada sokong atau tak sokong.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah. Dia tak beri jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: MIC takut kepada DAP?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduklah Yang Berhormat.

Dato' M. Mahalingam: Bukan MIC. Kita duduk di sini sebagai, memang Yang Berhormat berkenaan faham, saya duduk sebagai Parti Barisan Nasional (*Tepuk*), bukan Parti MIC di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, apa yang saya catatkan, saya ada jawab. Pegawai-pegawai pun ada catatkan beberapa soalan dan sekarang saya boleh jawab, bukan semua, tetapi sebahagian seberapa yang boleh. Tetapi apa yang saya tidak jawab, Kementerian saya boleh ambil kira.

Yang Berhormat dari Bayan Baru ada minta apakah tindakan diambil terhadap majikan yang tidak berdaftar dengan PERKESO. Pendakwaan akan diambil terhadap majikan yang tidak berdaftar dengan PERKESO.

Yang Berhormat dari Bayan Baru juga menyoal tentang tempoh kelayakan caruman di bawah Skim Pecen Ilat. Menurut pindaan Akta itu, tempoh kelayakan caruman di bawah Skim Pecen Ilat telah dikurangkan dari 30 bulan caruman kepada 24 bulan caruman. Saya mahu terangkan di sini, Tuan Pengerusi, negara-negara maju seperti United Kingdom ada yang caruman 34 bulan, tetapi negeri-negeri seperti Australia dan Jepun kurangkan kepada 24 bulan. Ini satu cadangan dari ILO Convention.

Menjawab Yang Berhormat dari Kepong, tabung PERKESO meningkat tetapi jumlah bayaran faedah sedikit.

Kebanyakan faedah PERKESO adalah secara berkala ataupun periodical. Jika tabung PERKESO bertambah kukuh itu adalah baik bagi kemajuan keselamatan sosial. Ini adalah kerana kemajuan kepada kadar faedah dan pengenalan faedah baru boleh dibuat tanpa apa-apa kenaikan kepada kadar caruman.

Yang Berhormat dari Kepong mempersoalkan skim PERKESO berbanding dengan skim swasta. Skim Pecen Ilat melindungi semua keilangan kematian akibat dari sebarang sebab, termasuk bunuh diri (suicide), manakala skim swasta adalah mempunyai syarat-syarat tertentu.

Itulah jawapan saya, Tuan Pengerusi.

Fasal 1 hingga 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual-Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubungan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya, dan bagi maksud-maksud lain dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan satu Akta yang lengkap dan menyeluruh bagi urusan pemberian keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan kepada organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebagai latar belakang keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan bagi perwakilan-perwakilan diplomatik di Malaysia telah ditentukan oleh Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Diplomatik 1961 ataupun, dengan izin, Vienna Convention on Diplomatic Relations 1961 yang mana Malaysia telah menyertainya pada tahun 1965. Konvensyen tersebut telah dikuatkuasakan di Malaysia melalui Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

Keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah masing-masing ditentukan oleh Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1946 atau, dengan izin, Convention on the Privileges and Immunities of the United Nations, 1946 dan Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan bagi Agensi-agensi Khas Bangsa-bangsa Bersatu, 1947 atau, dengan izin, Convention on the Privileges and Immunities of the Specialised Agencies, 1947.

Malaysia telah menyertai kedua-dua Konvensyen tersebut masing-masing pada tahun 1957 dan 1962 tanpa sebarang syarat. Kedua-dua Konvensyen tersebut telah dikuatkuasakan di Malaysia melalui Perintah Undang-undang tempatan yang dibuat di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik 1948 atau, dengan izin, Diplomatic Privileges Ordinance, 1948 dan kedua-dua Perintah Undang-undang adalah seperti berikut.

Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Bangsa-bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa) atau, dengan izin, the Diplomatic Privileges (United Nations and International Court of Justice) Ordinance, 1949 memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan tertentu kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kakitangannya termasuk wakil-wakil daripada negara-negara ahli yang menghadiri persidangan am atau persidangan lain yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Agensi-agensi Khas) atau, dengan izin, the Diplomatic Privileges (Specialised Agencies) Order, 1949 memberikan keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada agensi-agensi khas Bangsa-bangsa Bersatu dan kakitangannya termasuk wakil-wakil daripada negara-negara ahli yang menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh agensi-agensi khas Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun agensi-agensi khas telah bertambah selepas tarikh Perintah tersebut dan penyertaan Malaysia pun juga telah bertambah, namun Perintah tersebut tidak dikemaskinikan. Selepas pemansuhan Ordinan Keistimewaan Diplomatik 1948, Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Bangsa-bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa) dan Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Agensi-agensi Khas) terus berkuatkuasa di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 tanpa dipinda atau dikemaskinikan.

Selain daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia juga telah menjadi ahli kepada beberapa organisasi-organisasi antarabangsa seperti, dengan izin, International

Natural Rubber Organisation dan International Telecommunication Setellite Organisation dan organisasi-organisasi serantau seperti Asia-Pacific Development Centre dan Asia-Pacific Telecommunity melalui konvensyen atau perjanjian.

Beberapa organisasi-organisasi antarabangsa dan organisasi-organisasi serantau tersebut telahpun menubuhkan ibu pejabat mereka di Malaysia melalui perjanjian berasingan yang dipanggil Perjanjian Ibu Pejabat ataupun, dengan izin, Headquarters Agreement. Malaysia telah memberi beberapa keistimewaan dan kekebalan kepada organisasi-organisasi tersebut dan kakitangannya melalui konvensyen, perjanjian-perjanjian ibu pejabat ataupun secara administrative arrangements, dengan izin.

Konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian tersebut juga memerlukan Kerajaan Malaysia memberi beberapa keistimewaan dan kekebalan yang tertentu kepada ahli-ahli yang menghadiri persidangan antarabangsa ataupun persidangan serantau yang dianjurkan Malaysia oleh organisasi-organisasi antarabangsa atau organisasi serantau termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Bangsa-bangsa Bersatu.

Peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 yang berkaitan dengan organisasi antarabangsa adalah didapati tidak memadai dan tidak lengkap untuk memberi kuasa perundangan kepada segala keistimewaan dan kekebalan yang telah diberikan kepada organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu oleh Kerajaan Malaysia.

Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 juga tidak memadai atau mencukupi untuk memberi kuasa

perundangan pada segala tanggungjawab Kerajaan Malaysia selaras dengan konvensyen atau perjanjian yang mana Malaysia telah menyertainya ataupun menandatangani. Oleh itu adalah perlu dibentangkan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) ini bagi mengelakkan keadaan di mana sesuatu keistimewaan dan kekebalan yang telah diberikan kepada organisasi antarabangsa atau kakitangannya melalui konvensyen atau perjanjian itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut undang-undang oleh kerana Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 tidak memberi peruntukan yang lengkap. Ini juga dapat mengelakkan keadaan di mana kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang tidak diiktirafkan oleh mahkamah di Malaysia tanpa adanya peruntukan yang mencukupi.

Rang Undang-undang ini akan memansuhkan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 yang berkaitan dengan organisasi antarabangsa.

Perintah baru akan dikeluarkan di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini untuk menggantikan Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 Bangsa-bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Agensi-agensi Khas) yang pada masa sekarang terus berkuatkuasa dengan tidak dipinda atau dikemaskinikan di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 selepas pemansuhan Ordinan Keistimewaan Diplomatik 1948.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, panjang lagi?

11553

22 OKTOBER 1991

11554

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Satu muka lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup untuk hari ini. Boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.